



# پلیتا برونئی

## PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.44 SUBUH 4.54 SYURUK 6.11 DUHA 6.33 ZUHUR 12.16 ASAR 3.20 MAGHRIB 6.19 ISYAK 7.28 Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 112

16 SEPTEMBER 2024 / 1446

12

MANISNYA IMAN

"DAN demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?"  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qamar, ayat 17.

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

## PELIHARA AKAL, PERKUKUHKAN PENDIDIKAN UGAMA

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini berbunyi : 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Tema ini amatlah sesuai untuk dihayati, berdasarkan cabaran-cabaran masa kini memerlukan akal dipelihara.

Kerana akal yang sihat menjamin kehidupan berkat. Jika akal sihat, semua akan berjalan dengan baik, lancar dan berjaya. Sebab itu gejala mental adalah menjadi keutamaan untuk dirawat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Titah Perutusan baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, akal adalah kurnia terbesar Allah Subhanahu Wata'ala. Ia sangat penting untuk kelangsungan hidup. Sebab itu umat Islam telah menyediakan panduan bagaimana memelihara akal supaya tetap sihat, jangan terganggu atau terjejas, iaitu antaranya telah mengharamkan segala benda yang memabukkan yang boleh merosakkan akal seperti meminum



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENGURNIAKAN TITAH PERUTUSAN SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI TAHUN 1446 HIJRAH / 2024 MASIHI DI ISTANA NURUL IMAN.**

arak, menyalahgunakan dadah dan sebagainya.

"Termasuk semua perkara yang boleh membawa kepada ketagihan, seperti melayari aplikasi media secara tidak terkawal, menyalurkan maklumat-

maklumat tidak sah dan melihat imej atau klip video yang tidak bermoral. Ini semua boleh mengganggu fungsi akal sebenar," titah baginda.

>> Muka 2

## Perutusan takziah berikutan kejadian ribut Tropika Yagi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Setiausaha Agung Parti Komunis Viet Nam dan Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama To Lam; dan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Pham Minh Chinh dan juga

kerajaan serta rakyat Republik Sosialis Viet Nam berikutan dengan kejadian ribut Tropika Yagi yang telah melanda Republik Sosialis Viet Nam baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda awam.

## Majlis Penutup Dikir Maulud di Jame' 'Asr Hassanol Bolkiah

Oleh : Haniza Abdul Latif

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Berselawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri setiap individu Muslim.

Antara ganjaran yang akan diperoleh oleh orang yang sentiasa berselawat ialah sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa

sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa mengucapkan selawat kepadaku, Allah Subhanahu Wata'ala berselawat (memberi rahmat) kepadanya 10 kali.

Bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bergema dengan pujian selawat ke atas Junjungan Besar Baginda Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam pada Majlis Dikir Maulud yang telah diadakan bermula 1 Rabiulawal 1446 dan telah berlangsung selama 12 malam berturut-turut sehingga 12 Rabiulawal 1446.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut telah diadakan di Jame' 'Asr Hassanol Bolkiah, Kampung Kiarong.

>> Muka 4



## Berita Utama



MAJLIS Pelancaran Buku  
The Journey From Subok

Muka 5



74 graduan terima pingat,  
hadiah buku

Muka 7



MENINGKATKAN kemahiran  
pelajar kuasai tausyeh dengan  
sempurna

Muka 10



RENCANA  
MAJLIS Ilmu wadah kepada  
negara berkat, rakyat selamat

Muka 20

# Pelihara akal, perkukuhkan pendidikan ugama

## >> Muka 1

Melihat senario yang sangat membimbangkan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah berharap, pendidikan, khasnya pendidikan ugama hendaklah berperanan secara berkesan dalam menyemai akhlak mulia melalui pendidikan, dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, para ibu bapa dan penjaga serta lain-lain yang berkepentingan, dikehendaki supaya peka dengan setiap perkembangan kognitif dan kesihatan mental anak-anak dan pelajar-pelajar serta bersikap lebih prihatin terhadap kegiatan

mereka dalam melayari capaian internet, sehingga kemudahan teknologi digital ini tidak disalahgunakan.

"Memang dalam era digital masa ini, cabaran semakin besar, terutama dengan kehadiran media sosial yang kadang-kadang menyebarkan maklumat bercanggah dengan ajaran Islam aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah."

"Oleh itu, kita perlu memperkuat sistem *immune* atau kekebalan diri dengan pendidikan ugama. Ini penting, supaya kita tidak terpengaruh oleh ideologi dan pemikiran yang tidak selari dengan dasar kerajaan beta," titah baginda.

Di samping itu, baginda berharap agar aktiviti-aktiviti dakwah yang dikendalikan oleh pihak-pihak berkenaan akan dapat disampaikan secara berhikmah, sehingga

mampu untuk menjadi benteng menghalangi ajaran-ajaran sesat dari disebar melalui pelbagai bentuk aplikasi media.

"Alhamdulillah, kerajaan beta melalui semua agensi penguatkuasaan, terus meningkatkan usaha menangani ajaran sesat dan mengawal fahaman pluralisme, ekstremisme dan radikalisme supaya tidak tersebar di negara ini. Ini penting bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan," titah baginda.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita menyambut dan menyemarakkan lagi bulan Rabiulawal sempena Hari Kelahiran Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Antara tujuan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diutus, titah baginda, ialah untuk menyempurnakan akhlak, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala memperakui Baginda itu merupakan contoh terbaik untuk diikuti seperti yang disebut di dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang kira-kira tafsirnya : "Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) di akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah".

Untuk akhirnya, bersemepena dengan memperingati Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam ini, maka marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat ke atas Baginda, sebagai usaha menagih syafaat di dunia dan akhirat.



## PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- Tamat Persekolahan**  
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

## PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- Maklumat Peribadi**  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- Maklumat Lesen Memandu**
- Kelulusan Pendidikan Tinggi**  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- Kelulusan Pendidikan Menengah**
- Tamat Persekolahan**  
(Sijil berhenti Sekolah)

## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?



## PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- Pengalaman Kerja Kerajaan**  
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebakaran / pengesahan profil pegawai kaitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mulai dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang berulang
- Pengalaman Kerja Swasta**
- Pengalaman Kerja Beruniform**
- Pengalaman Bekerja Sendiri**
- Penempatan Kerja**
- Tidak Bekerja**

## PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- Kelayakan Profesional**
- Peperiksaan Kesetiausahaan**
- Kemahiran Bahasa**
- Lain-Lain Kemahiran**

## PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- Peperiksaan Kerajaan**
- Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)**
- Kursus Induksi Perkhidmatan Awam**
- Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)**
- Program Pembangunan Eksekutif**

## WAKTU SEMBAHYANG

September	MASHTI	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
16	ISNIN	12	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28	
17	SELASA	13	4.44	4.54	6.11	6.33	12.16	3.20	6.19	7.28	
18	RABU	14	4.43	4.53	6.10	6.33	12.15	3.20	6.18	7.27	
19	KHAMIS	15	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.18	7.27	
20	JUMAAT	16	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26	
21	SABTU	17	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26	
22	AHAD	18	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU
<small>Bandar Seri Begawan</small>		
33 26 °C 	34 26 °C 	35 26 °C 
<small>Pekan Bangar</small>		
34 24 °C 	34 25 °C 	35 25 °C 
<small>Pekan Tutong</small>		
34 25 °C 	33 24 °C 	35 24 °C 
<small>Kuala Belait</small>		
33 25 °C 	35 24 °C 	34 24 °C 

Wallahu alam Bissawab  
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

16 SEPTEMBER 2024

## Teladani sunnah Rasulullah

**N**ABI Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan sosok teladan sepanjang masa dan keteladanan Baginda tercermin dalam kehidupan sehari-hari kita. Keindahan budi pekerti dan akhlak Rasulullah adalah yang paling terbaik untuk dijadikan ikutan seluruh umat manusia.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terkenal dengan sifatnya yang selalu merendah diri serta tidak pernah sombong, memiliki perwatakan yang lemah lebut dan paling penting adalah bersifat jujur dan amanah dalam apa jua hal.

Kita sebagai umat Islam yang beriman haruslah mencontohi sifat-sifat terpuji yang dimiliki Rasulullah dan diperaktikkan dalam kehidupan kita.

Dengan menerapkan sifat-sifat itu menunjukkan kita menzahirkan rasa cinta kepada kekasih Allah, ditambah lagi dengan mengamalkan sunnah-sunnahnya, iaitu apa jua yang disampaikan oleh Baginda, yang diperlakukan, yang diperkatakan dan yang diperakui oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Apabila kita dapat mempraktikkan akhlak Rasulullah dalam rutin kehidupan, pasti kita akan sentiasa ter dorong melakukan yang makruf dan meninggalkan kemungkaran.

Perjuangan Rasulullah dalam menyebarkan Islam perlu kita sanjungi dan ambil pengajarannya kerana Rasulullah berdepan dengan rintangan dan dugaan dalam menyebarluaskan agama Allah, namun dengan berkat kecekalan dan keberkatan, Rasulullah dapat mengharungi semua dugaan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini juga menekankan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita sebagai umat manusia yang beriman supaya mencintai dan mengasihi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengikut sunnah Baginda.

Salah satu cara untuk kita menunjukkan rasa cinta dan kasih kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah dengan membanyakkan selawat yang juga merupakan satu amalan yang pasti mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selawat juga merupakan doa-doa sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar Baginda selalu mendapat limpah rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bersempena dengan Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, marilah kita melipatgandakan pahala dengan berselawat dan berzikir agar kita meraih syafaat daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان دجیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

## BERANGKAT MENINGGALKAN REPUBLIK SINGAPURA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berbual mesra bersama Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar dan Menteri bertanggungjawab bagi Perhubungan Perdagangan, Puan Yang Terutama Grace Fu.

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 14 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman petang tadi berangkat meninggalkan Republik Singapura setelah menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-10 yang berlangsung pada 10 hingga 14 September 2024.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan Republik Singapura setelah menghadiri Program Pemimpin-pemimpin Muda Ke-10 (atas dan bawah kiri).

**Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri**  
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad**



Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Hadir di Kompleks VIP Lapangan Terbang Antarabangsa Changi bagi menyembahyang selamat berangkat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar dan Menteri bertanggungjawab bagi Perhubungan Perdagangan, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

dan Menteri Negara Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Desmond Tan, selaku Menteri Pengiring; dan isteri, Mrs. Tan selaku Lady-in-Attendance serta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Lawrence Bay dan isteri.

Turut hadir bagi menyembahyang selamat berangkat ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Dayang Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

## Berkenan berangkat ke Majlis Santap Pagi

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 14 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Pagi bersama Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean bertempat di The Halia, Singapore Botanic Gardens, Republik Singapura, pagi tadi.

Juga berangkat ialah anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Burkill Hall, Singapore Botanic Gardens dijunjung oleh Tuan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman serta anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Majlis Santap Pagi bersama Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean (atas kanan). Manakala gambar atas kiri dan bawah kanan, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri berangkat bersama-sama Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean mengadakan lawatan ke beberapa tempat di Singapore Botanic Garden.



Yang Terutama Menteri Kanan dan Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri seterusnya berangkat bersama-sama TYT mengadakan lawatan ke beberapa tempat di Singapore Botanic Garden, yang mempamerkan sebanyak 1,000 spesies dan 2,000 Bunga Orkid Hybrid.

DYTM dan YTM kemudiannya berangkat bersama-sama TYT ke Batik Room, The Halia bagi Majlis Santap Pagi.

## Majlis Penutup Dikir Maulud di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, antara yang turut hadir pada majlis tersebut.

### >> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang

Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd Salleh; dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan tazkirah mengenai kelebihan selawat disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Muhammad Farhan bin Haji Sufri.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Assalamualaika dibawakan oleh Jabatan Pengajian Islam, KHEU, diikuti dengan Dikir Khairuman 3 Serangkai dibawakan oleh Pasukan Dikir Kampung Rimba dan Dikir Bishahrin Udana Laila dibawakan oleh Pasukan Dikir

Kampung Belimbing dan Pasukan Dikir Kampung Subok.

Manakala, persembahan Dikir Al-Ham Allah dibawakan oleh Pasukan Dikir BASMIDA, dan Dikir Badat Kopi dibawakan oleh Pasukan Dikir PERANGKAP, sementara persembahan Dikir Asyraqal pula dibawakan oleh Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Kemudian, majlis disusuli dengan Doa Dikir dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Masjid, Jame'

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustapa bin Haji Murat.

Selain untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir Syarafil Anam di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Majlis seumpama ini juga adalah salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung di sekitarnya.



TAZKIRAH disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Muhammad Farhan bin Haji Sufri.

## KKBS SEMARAKKAN DIKIR SYARAFIL ANAM



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan

Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi malam

tadi di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; dan Setiausaha Tetap (Kebeliaan) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin di ruangan lelaki.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohd. Amin bin Haji Salim, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiyah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Ghani dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohammad Hasif Matzin



oleh Awang Muhammad Nur Razin bin Rosli, mahasiswa dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Majlis turut diserikan lagi dengan tazkirah bertajuk 'Tawaduk Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis kemudian disusuli dengan persembahan dikir antaranya Dikir Assalamualaika, Dikir Asyaraqal Badru, Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Alhamdulillah dan Dikir Badat.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Abdul Aziz.

Sementara di ruangan wanita, tazkirah dengan tajuk yang sama disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff.

Juga hadir, para pegawai dan

kakitangan dari KKBS, Pertubuhan WARGAMAS Brunei; Belia Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (RIPAHS), Kampung Rimba; dan warga KUPU SB.



TAZKIRAH bertajuk 'Tawaduk Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.



SEMENTARA di ruangan wanita, tazkirah dengan tajuk yang sama disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff.

# MAJLIS PELANCARAN BUKU THE JOURNEY FROM SUBOK



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. — Dalam menzahirkan satu tanda penghargaan dan penghormatan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan para penulis sebagai Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-negara asing, Pusat Sejarah Brunei (PSB) dan Jawatankuasa Penyuntingan Buku The Journey From Subok : Recollections of Brunei Darussalam's Diplomats pagi tadi telah mengadakan Majlis Pelancaran Buku The Journey From Subok : Recollections of Brunei Darussalam's Diplomats hasil karya 11 penulis yang merupakan mantan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-

negara asing.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis seterusnya melancarkan buku tersebut yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB ialah Setiausaha Tetap (Perancang Dasar), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Datin Paduka Shazainah binti Pengiran Datu Paduka Shariffuddin. Turut hadir, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dalam ucapan alu-aluan Pengurus Jawatankuasa Penyuntingan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud antara lain mengetengahkan Buku The Journey From Subok : Recollections of Brunei Darussalam's Diplomats mengisahkan mengenai pengalaman para penulis yang dimuatkan dalam buku ini sebagai kenang-kenangan dan rujukan bagi para pembaca.

Di samping itu, pelancaran buku ini juga adalah sempena Ulang Tahun Ke-40 penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri. Sejarah penubuhan kementerian in bermula pada tahun 1981 apabila ia ditubuhkan sebagai sebuah jabatan dikenali sebagai Jabatan Perkhidmatan Diplomatik. Pada tahun 1984, jabatan ini dinaik taraf menjadi sebuah kementerian dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Pelita Brunei berpeluang untuk menemu bual Yang Dimuliakan Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Dato Paduka Abdul Jalil bin Haji Ahmad, salah sorang penulis buku tersebut menyembahkan setinggi-junjungh kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pelantikan mantan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-negara asing.

Yang Dimuliakan Pehin juga menyatakan bahawa hari ini merupakan satu tarikh yang penting dan dinantikan oleh para penulis kerana telah melakar sejarah dalam menerbitkan buku tersebut buat julung kalinya.

Antara yang dimuatkan dalam buku ini ialah pengalaman para penulis semasa menjawat jawatan sebagai Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-negara asing, ketekunan dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan serta cabaran yang dihadapi, jelas Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan Pehin juga berharap buku tersebut membolehkan para pembaca untuk mengenal dan memahami peranan



**SETIAUSAHA Tetap (Perancang Dasar), Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan buku tersebut (atas). Manakala gambar atas kiri, turut hadir, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.**

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara-negara asing dan sumbangannya kepada negara. Dalam pada itu, buku ini juga boleh dijadikan rujukan bagi diplomat-diplomat generasi baharu.

Antara penulis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad, Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bin Pengiran Metassan dan Dato Paduka Haji Abdul Majid bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Seterusnya, penulis-penulis yang turut terlibat ialah Dato

Paduka Haji Yusoff bin Haji Abdul Hamid, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Perkasa Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Mahdini bin Dato Paduka Haji Basir, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin bin Pengiran Haji Hashim, Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad, Yang Dimuliakan Pehin Datu Penglima Kolonel (B) Dato Paduka Haji Abdul Jalil dan Pengiran Dato Paduka Haji Shariffuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Pada majlis tersebut juga diadakan sesi perkongsian mengenai buku tersebut oleh Dato Paduka Haji Shofry. Buku The Journey From Subok : Recollections of Brunei Darussalam's Diplomats boleh didapati di PSB dengan harga BND30 senaskah.

## JPM anjur Majlis Penutup Dikir Maulud



Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diserikan dengan bacaan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Kumpulan Dikir Radio Televisyen Brunei (RTB).

Kemudian disusuli dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti Persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara akan terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu khas majlis kepada wakil Masjid Ash-Shaliheen. Majlis ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Penyelidikan Brunei dengan kerjasama RTB.

**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu khas pada Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Ash-Shaliheen (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat menyampaikan sumbangan wakaf kepada wakil Masjid Ash-Shaliheen.**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan

Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Magrib Berjemaah dipimpin oleh

# KSSUP adakan Majlis Penutup Dikir Maulud



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Rombongan Dikir Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan jabatan-jabatan di bawahnya, diadakan lewat petang tadi di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Majlis Dikir tersebut diadakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446H / 2024M.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Faizal bin Janif dan seterusnya bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dipimpin oleh tetamu kehormat.

Acara kemudian diikuti dengan Dikir Syarafil Anam, yang dibawakan oleh Kumpulan Dikir KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum meneruskan acara, Sembahyang Fardu Isyak berjemaah diimamkan oleh imam masjid.

Majlis disudahi dengan Dikir Marhaban beramai-ramai,

seterusnya bacaan Doa Dikir dan juga Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Dikir tersebut diadakan dengan usaha sama KSSUP dan Ahli Takmir Masjid bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul, di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan Ahli Takmir Masjid dan jemaah serta penduduk sekitar bersama pegawai dan kakitangan KSSUP.

Turut hadir pada majlis tersebut, ketua-ketua jabatan, ketua-ketua bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah KSSUP, Ahli-ahli Takmir Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi dan juga penduduk sekitarnya.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Rombongan Dikir Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya, diadakan di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi (kiri). Sementara gambar atas dan bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



## SABAR, YAKIN TAKDIR ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Program Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi baru-baru ini untuk Kali Ke-151 dan minggu ini khas untuk wanita Ke-17 dengan mengundang Timbalan Yang Dipertua Demensia Brunei, Dr. Hajah Asmah binti Haji Husaini yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dari Surau KHEU.

Seterusnya, bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Guru Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHB), Dayangku Nur Fatin Wahidah binti Pengiran Muhammad Sallehin, bersiaran dari Musolla ITQSHB. Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Norashibah binti Haji Besar dari Surau KHEU.

Malam Munajat juga diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Unit Kerohanian dan Khidmat Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei

Darussalam, Pengiran Siti Norainul Fathni binti Pengiran Haji Tajuddin.

Antara perkara yang dipetik daripada tazkirah tersebut bawahtu setiap insan tidak akan terlepas daripada ujian, sama ada ujian tersebut kecil ataupun besar. Namun dengan keteguhan iman dan kekentalan hati, sebarang jenis ujian tetap dapat dihadapi dengan sabar dan yakin bahawa setiap yang Allah Subhanahu Wata'ala takdirkan adalah yang terbaik untuk hamba-Nya.

Pelbagai janji hebat telah Allah menteraikan di dalam Al-Quran bagi yang sabar dan reda dalam menghadapi ujian. Dengan itu, sebagai seorang insan yang yakin dengan Kalamullah dan sunnah Rasulullah, kita sepatutnya berusaha dengan persediaan dari segi fizikal, mental dan spiritual adalah amat penting dalam menghadapi ujian ini.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asma Al-Husna beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran ITQSHB, Dayang Nurul Hidayati binti Haji Ahmad bersiaran dari Musolla ITQSHB.

Kemudiannya, Doa Peliharakan



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama, Datuk Hajah Nahriah binti Awang Haji Asbi hadir menyertai Malam Munajat berkenaan.

Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Wardah binti Haji Ibrahim.

Juga hadir bagi sama-sama menyertai lagi program tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datuk Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Turut sama mengimarahkan acara Munajat malam tadi ialah Ahli Persatuan Demensia Brunei;

tenaga akademik dan para pelajar ITQSHB; jemaah Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dari beberapa buah masjid di negara ini. Juga, warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat

suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta meraffakan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheuwanita>.

# 74 GRADUAN TERIMA PINGAT, HADIAH BUKU



**JERUDONG**, Sabtu, 14 September. - Seramai 74 graduan terpilih menerima pingat dan hadiah buku sempena Hafiz Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-14.

Daripada jumlah tersebut, seorang penerima Pingat Pro-Canselor, seorang penerima Pingat Rektor, 10 penerima Pingat Universiti dan 62 penerima hadiah buku bagi pelbagai kriteria.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku sempena Hafiz Al-Takharruj UNISSA Ke-14 itu berlangsung di Royal Berkshire Hall, Tarindak d'Polo, Jerudong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah buku ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib yang juga Ahli Majlis UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluannya, Penolong Rektor (Akademik), UNISSA, Profesor

Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad selaku Pengurus Bersama Majlis berkata UNISSA telah memasuki 14 tahun mengadakan Sambutan Hafiz Al-Takharruj dan seterusnya meraikan kecemerlangan graduan serta pelajar setiap tahun pengajian menerusi Majlis Penyampaian Pingat dan Hadiah Buku.

Sepertimana lazimnya, UNISSA menyediakan empat jenis pingat iaitu Pingat Canselor, Pingat Pro-Canselor, Pingat Rektor dan Pingat Universiti. UNISSA juga pada waktu yang sama, menyediakan hadiah buku bagi empat kategori yang berbeza iaitu Hadiah Buku bagi Tahun Akhir, Hadiah Buku bagi Selain Dari Tahun Akhir, Hadiah Buku bagi Keputusan Cemerlang dalam Kursus Al-Quran (aliran Arab dan juga aliran Inggeris) dan Hadiah Buku bagi Keputusan Cemerlang dalam Kursus Melayu Islam Beraja.

Beliau menambah kesemua pingat dan hadiah buku ini mempunyai kriteria masing-masing, yang mana kriteria ini dinilai bukan sahaja dari sudut kecemerlangan

dalam akademik, kecemerlangan dalam aktiviti serta khidmat masyarakat, bahkan yang paling penting adalah kecemerlangan sahsiah.

Penerima Pingat Pro-Canselor, Dayang Nabilah Ulfah binti Haji Jopry @ Md Mujiburrahman graduan Fakulti Halal Science ketika ditempuh menzahirkan rasa syukur atas pengiktirafan tersebut dan beliau menganggap kejayaan berkenaan adalah berkat doa daripada ibu bapa dan bimbingan guru-guru termasuk rakan-rakan yang mau bersaing secara sihat.

Mengongsikan cabaran dalam pengajianannya, Dayang Nabilah Ulfah menambah, cabaran-cabaran ini dapat diatasi dengan sokongan dan motivasi daripada beberapa pihak penting. Mereka sentiasa memberi sokongan moral dan doa yang tidak putus-putus membantu terus bertahan.

"Dengan melanjutkan pengajian, saya berharap dapat mendalami lagi aspek-aspek tertentu dalam bidang ini dan membantu menyelesaikan cabaran-cabaran yang ada, serta



YANG Berhormat Peguam Negara yang juga Ahli Majlis UNISSA hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat dan hadiah buku kepada penerima (kiri dan atas).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

tetapi juga memberi nasihat dan motivasi yang membantu saya menghadapi cabaran dengan lebih berkeyakinan," jelas beliau.

Menurutnya lagi, sumber motivasi utama beliau adalah keyakinan diri dan keinginan untuk mencapai kejayaan serta memberi sumbangan positif kepada masyarakat. Kesemua sokongan ini telah membentuk asas kejayaan untuk terus berusaha dan berprestasi dengan cemerlang.

Menyentuh perancangan akan datang beliau berhasrat untuk melanjutkan lagi pengajiannya ke peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan Halal pada bulan Januari tahun hadapan.



PENERIMA  
Pingat  
Pro-Canselor,  
Dayang Nabilah  
Ulfah binti Haji  
Jopry @ M d .  
Mujiburrahman.

## Raikan, mempromosi budaya kecemerlangan UTB



Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Ahli Majlis UTB hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah kiri, Naib Canselor UTB semasa berucap pada majlis berkenaan.

dinyatakan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman semasa Majlis Anugerah Cemerlang 2024 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Naib Canselor UTB seterusnya berharap agar para penerima akan terus menjadi individu yang cemerlang dalam kerjaya dan sentiasa memberi sumbangan kepada pembangunan masyarakat.

Manakala pelajar yang menerima Anugerah Dekan pada hari ini

tambahnya, diharap akan terus konsisten dari tahun ke tahun dalam menimba ilmu, agar terus berjaya mencapai kejayaan.

Terdahulu itu, dalam ucapan alu-aluannya, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Konvokesyen Ke-12 pada 7 September 2024 agar pihak UTB menyediakan tenaga pengajar yang berkualiti tinggi untuk keberkesanan

keseluruhan sistem pendidikan.

Tambahnya lagi, pada pagi ini, mereka akan menyaksikan penyampaian 10 anugerah bagi Tenaga Akademik Cemerlang, dua anugerah bagi Tenaga Bukan Akademik dan tujuh anugerah bagi Penghargaan Khas (Special Mention).

"UTB berasa berbangga dengan pencapaian berkenaan, dan anugerah hari ini adalah untuk meraikan dan mempromosi budaya kecemerlangan di UTB," ujarnya lagi.

>> Muka 9



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 September. - Pengiktirafan Anugerah Cemerlang 2024 sempena Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) 2024, diharap akan memotivasi para penerima lebih jauh dan memberi inspirasi dan contoh kepada yang masih belajar di UTB.

Para penerima dalam kalangan siswazah akan bergelar Duta kepada UTB dan sebagai Duta, mereka akan membawa imej positif kepada UTB.

Perkara berkenaan antara yang

# BIBD semarakkan Dikir Maulidur Rasul



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD semasa hadir pada Majlis Dikir Maulud bertempat di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) baru-baru ini mengadakan Majlis Dikir Maulud bertempat di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Majlis yang diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulidur Rasul itu dihadiri oleh

Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah, diikuti dengan Dikir

Maulud yang dipimpin oleh warga dan kakitangan dari BIBD.

Turut hadir menyertai majlis tersebut ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri, bersama ahli Badan Penasihat Syariah dan pengurusan kanan BIBD dan kira-kira 50 kakitangan BIBD.

Majlis turut menyaksikan

penyampaian wakaf bagi Masjid Ar-Rahman, yang diserahkan oleh Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bagi pihak BIBD.

Penyampaian wakaf tersebut menunjukkan komitmen BIBD untuk menyokong masyarakat dan menyumbang kepada kesejahteraan masjid di negara ini.

Acara Dikir Maulud itu diadakan untuk menghormati dan merenung

pengorbanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang tidak terkira di samping mewujudkan rasa kasih sayang, penghormatan, dan kesyukuran dalam kalangan semua hadirin.

Menerusi majlis itu, BIBD terus menjunjung nilai-nilai Islam dan memperkuuh dedikasinya kepada pembangunan rohani dan masyarakat.

## TERAPKAN ISU KEBERSIHAN DALAM KALANGAN PELAJAR

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Bagi menerapkan tentang isu-isu kebersihan kepada murid-murid bermula peringkat sekolah rendah sebagai fokus utama sebagai amalan baik untuk kehidupan sehari-hari, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) hari ini menganjurkan Program Jerayawara Penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021) bertempat di Sekolah Tunas Jaya Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), Lambak, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Taklimat yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Melesen JDBM, Awang Sizali bin Md. Yassin dan Dayangku Notadinawati binti Pengiran Sulaiman disertai oleh pelajar Tahun 1 hingga Tahun 6 serta guru-guru.

Menurut Awang Sizali, jerayawara ini antara lain bertujuan untuk memperkenalkan tentang kesan dan akibat yang akan terjadi kepada negara dan rakyat apabila tidak mengamalkan isu kebersihan yang akhirnya akan menjadikan negara kurang selesa dan boleh menimbulkan pelbagai masalah terutamanya penyebaran pelbagai penyakit.

Awang Sizali turut mengongsikan akan tindakan atau denda yang akan dikenakan terhadap pesalah tentang pembuangan sampah yang tidak teratur sebagai peringatan kepada semua untuk tidak melakukan amalan yang tidak baik tersebut. Juga hadir, Guru Besar Sekolah Tunas Jaya PGGMB, Awang Haji Roslan bin Haji Hassan.

JABATAN Daerah Brunei dan Muara semasa menganjurkan Program Jerayawara Penguatkuasaan Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Pindaan 2021).



## PENTING

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**



#### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.




#### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaiki transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



**⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.**

**✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.**



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN SEMARAKKAN DIKIR MAULUD



**PEMANGKU** Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Haji 'Abdul 'Azim, Kampung Luagan Dudok.

**TUTONG**, Sabtu, 14 September. - Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Haji 'Abdul 'Azim, Kampung Luagan Dudok, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman.

Majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Zeimey bin Haji Ahim, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai

oleh tetamu kehormat sebagai permulaan bacaan Dikir Khairuman.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Zeimey bin Haji Ahim.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian

## Raikan, mempromosi budaya kecemerlangan UTB

### >> Muka 7

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para penerima, Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, yang juga selaku Ahli Majlis UTB.

Turut hadir, Pemangku Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Wang Haitao; dan Ahli-ahli Majlis UTB yang lain.

Pada majlis berkenaan, seramai 17 ahli akademik dan kakitangan yang cemerlang menerima Anugerah Kecemerlangan Kakitangan dan Special Mention atas khidmat teladan mereka kepada UTB pada tahun ini.

Para penerima anugerah utama masing-masing menerima plak peringatan, sijil penghargaan, dan hadiah wang tunai BND1,000, manakala mereka yang diberikan Anugerah Pengiktirafan Khas menerima sijil penghargaan atas sumbangan mereka.

Ditubuhkan pada 2015, Anugerah Kecemerlangan Kakitangan telah menjadi tradisi tahunan di UTB, yang bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan sumbangan kakitangan akademik dan bukan akademik.

Anugerah berprestij berkenaan memberi penghormatan kepada individu yang telah menyumbang secara signifikan dalam mencapai objektif strategik universiti melalui kerja keras dan dedikasi mereka.

Dengan mengiktiraf usaha cemerlang berkenaan, anugerah tersebut bukan sahaja memberi ganjaran kepada pencapaian individu, tetapi juga mengukuhkan komitmen bersama ke arah kecemerlangan yang memacu kejayaan UTB.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian Anugerah Kecemerlangan Siswazah, yang diberikan kepada sekumpulan

graduan yang terpilih yang bukan sahaja berjaya menamatkan pengajian tetapi juga telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam program akademik masing-masing.

Anugerah berkenaan merangkumi pelbagai kategori, bertujuan untuk mengiktiraf dan meraikan pencapaian akademik dan dedikasi graduan yang berjaya ketika mereka menamatkan perjalanan pendidikan mereka di UTB.

Majlis disusuli dengan penyampaian Anugerah Senarai Dekan, Anugerah Aktiviti Kokurikulum atau Anugerah Pasport Pencapaian Pelajar (Student Achievement Passport-SAP), dan Anugerah the People's Choice.

Anugerah Senarai Dekan telah disampaikan kepada kira-kira 60 pelajar dari seluruh fakulti dan sekolah UTB, dengan para penerima berkenaan diiktiraf atas prestasi dan pencapaian akademik yang luar biasa sepanjang pengajian mereka.

Penghormatan berprestij berkenaan juga mengiktiraf usaha keras, dedikasi, dan kehebatan intelektual pelajar yang berjaya dalam pelbagai disiplin di universiti.

Di samping itu, lapan pelajar telah diiktiraf atas kecemerlangan mereka dalam penglibatan aktiviti kokurikulum, dengan anugerah merangkumi pelbagai bidang seperti Pencapai Kemahiran Hidup Cemerlang, Anugerah Agama Tertinggi (Lelaki), Pencapai Khidmat Masyarakat, Anugerah Budaya Terbaik, Olahragawan dan Olahragawati UTB, dan kategori Pengiktirafan Khas (Special Mention category).

Majlis berkenaan juga turut meraikan inovasi, dengan 10 pelajar menerima Anugerah People's Choice atas sumbangan mereka kepada Pameran Projek UTB 2024.

Pengiktirafan menyeluruh berkenaan menggariskan komitmen UTB bagi memupuk kecemerlangan dalam kalangan pelajarnya.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang dan kesyukuran atas jasa-jasa Baginda.

Di samping itu, majlis ini juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan Hari-hari Kebesaran Islam di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid.


Turut menghadiri majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan; Ketua Kampung Bukit Panggal dan Luagan Dudok, Awang Mohammed Dandarawi bin Haji Awang Nasar serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Haji 'Abdul 'Azim.

Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Kementerian Pendidikan bagi tahun ini dikendalikan bersama oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Jabatan Pengurusan Pendidikan.

جاین فرانچف ایکونومی دان ستابیسٹیک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL EHWAH PENGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

## Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**



### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memperluas Rangkaian Industri Halal'. Tarikh Tutup : 18 September 2024
- 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024
- 'Tingkat Kesedaran Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam.  
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

# MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR KUASAI TAUSYEH DENGAN SEMPURNA



Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh

KATOK, Sabtu, 14 September. - Kementerian Pendidikan petang tadi mengadakan Pertandingan Tausyeh Sekolah-sekolah

Menengah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-16, Tahun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah



Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Pertandingan berkenaan

**ANTARA** yang menyertai Pertandingan Tausyeh Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-16, Tahun 2024 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

**PENGARAH** Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang (atas kiri dan atas).

terbahagi kepada dua kategori, iaitu Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan dengan empat pasukan daripada setiap kategori layak ke peringkat akhir.

Bagi Kategori Lelaki, johan disandang oleh Ma'had Islam Brunei, diikuti dengan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah menduduki tempat kedua, manakala tempat ketiga ialah Sekolah Menengah Tanjong Maya, Tutong.

Sementara bagi Kategori Perempuan, johan dan naib johan masing-masing disandang dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha diikuti dengan Sekolah Menengah Menglait di

tempat ketiga.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah bagi menggalakkan para pelajar untuk memperbanyak selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui tausyeh.

Di samping itu, ia diharap dapat meningkatkan kemahiran para pelajar dalam menguasai tausyeh dengan lebih sempurna dan melatih untuk berani tampil di depan khalayak ramai serta dapat bekerjasama secara berpasukan.

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

## Tip Pendidikan

### Tip gunakan kad imbas (*flash cards*) dalam ulang kaji

- Buat kad imbasan dengan bahan yang spesifik.** - Pilihlah bahan yang ingin awda pelajari dengan memilih kata kunci atau gambar yang spesifik untuk setiap kad imbas. Hal ini akan membantu pelajar menggabungkan informasi dengan lebih baik.
- Gunakan penjelasan yang singkat dan padat.** - Cuba gunakan perkataan yang singkat dan padat di bahagian belakang kad imbas tersebut. Hindari penggunaan kata-kata yang ambigu atau terlalu rumit agar informasi dapat dengan mudah difahami dan diingat.
- Lakukan ulang kaji secara teratur.** - Jadualkan waktu untuk mengulang kad imbas secara teratur. Dengan mengulang secara konsisten, awda akan dapat memperkuat ingatan terhadap informasi yang dipelajari.
- Kategorikan kad imbas berdasarkan kesukaran.** - Pisahkan kad imbas yang sudah awda kuasai dan yang memerlukan lebih banyak latihan. Fokus lebih kepada kad imbas yang lebih sukar.
- Lakukan latihan berkumpulan.** - Berkongsi dan berlatih dengan kawan menggunakan kad imbas untuk dapat membantu menilai kemahiran dan pemahaman dengan lebih baik.
- Uji pengetahuan dengan berterusan.** - Gunakan kad imbas sepanjang persiapan peperiksaan dan sebelum ujian sebenar untuk memastikan ingatan awal tetap kuat dan mudah hafal.

**Nota :** Kaedah belajar *flash cards* adalah teknik pembelajaran yang efektif untuk menghafal informasi penting. Dengan menggunakan *flash cards*, awda dapat melatih ingatan dengan pengulangan yang teratur. Kaedah ini memiliki kelebihan dalam hal keberkesanan, fleksibiliti dan pemantauan kemajuan belajar.



# سُرْدَلُهُ سُرْجِي

## منجيستاي رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُعَنْ بِرْصَلَوَاتْ

مریک بیغ تیدق مغورچنکن صلووات اقیبل مندغیر نام بکندا دسیبوت اداله ترکولوغ اورغ بیغ ساعت هینا دالم ارتی کات بخیل دان کدکوت. سیمیعنی باقی کنجارن بیغ اکن دفراؤلیمه اویله اورغ بیغ سنتیاس ملازیکن دیرین برصلوات، انثاران ایاله سباکیمان دالم حدیث بیغ دروایتکن اویله إمام مسلم درقد أبو هریره رضی اللہ عنہ، بھاوا سسوغکوہن رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسیدا:

**مَنْ صَلَّى عَلَى وَاحِدَةٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا**

**مقصودن:**

سییاف مغورچنکن صلووات سکالی کفڈ کو، الله برصلووات (مبری رحمة) کفڈن سفولوه کالی. { حدیث روایة إمام مسلم }

سالاین ایت، کنجارن برصلوات جوک اکن مندافت شفاعة دآخرہ کلک. سباکیمان بیغ دسیوتکن دالم حدیث بیغ دروایتکن اویله إمام ترمذی درقد عبداللہ بن مسعود رضی اللہ عنہ بھاوا سنت رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسیدا:

**أَوَّلَ النَّاسِ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُهُمْ عَلَى صَلَادَةٍ**

**مقصودن:**

مانسی بیغ فالیع اوتام برسامکو نبی فد هاری قیامہ ایاله اورغ بیغ فالیع باقی مغورچنکن صلووات کفڈ کو.

رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ساعۃ مریندوی اومن والوفون بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تیدق فرنہ برتمو کیت. ایتلہ کاکوغضن قد دیری بکندا. فرکارا این ادا دسیوتکن اویله إمام الطبرانی دالم کتاب العُجُمِ الْكَبِيرِ مقصودن: "اکر إیعنی برتوغ دغۇن سودارا-سوداراکو" لالو فارا صحابۃ برتان: "تیدقکە کامی این سودارا-سودارا مۇ؟ بکندا منجواب: "کامو اداله صحابۃ- صحاباتکو، سدغکن ملیپتکو."

اویله بیغ دمکن، فارا جماعه بیغ درجمی الله، ماریله کیت مبایقکن صلووات کفڈ بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ کیت بریمان دُعَنْ دان ماقسناکن اجارن-اجارن بیغ دیباوا بکندا. سسوغکوہن کیت بئر-بئر مریندوی رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دان کرینداون کیت اداله تیدق برتنی. سوک دغۇن کیت اکن مندافت شفاعة بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دآخرہ کلک، سرتا مندافت رحمة دان کامقون درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین يا زیب العالمین.

**تفسیرن:**

دیاله بیغ مغورنیاکن رحمة کفڈ کامو دان ملاکة-ملاکن فولا (بردعاء موهونکن امقون باکی کامو) اونتوق مغوارکن کامو درقد ککلافن-ککلافن (کوفور) کفڈ جهای (یمان). دان دی اداله مها تقاضیه کفڈ اورغ بیغ بریمان. { سورۃ الأحزاب آیۃ: ۴۳ }

بازک الله لنا في القرآن العظيم، وَنَفَعَنَا بِالآياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ تَلَوَّتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَ فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا يَحَّاجَةَ التَّائِبِينَ.

**تفسیرن:**  
سسوغکوہن الله دان ملاکة-ملاکن برصلوات کفڈ نی. واهی اورغ-اورغ بیغ بریمان! برصلواتله کفڈن سرتا اوجغکتله سلام دُعَنْ فتوه فغورمن.

سسوغکوہن صلووات اداله دعاء-دعاء بیغ مروفاکن سانجوغۇن کفڈ کیسران رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اکر بکندا سالاٹو مندافت بیغه رحمة درقد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. مك برصلواتله دُعَنْ نیة بیغ إخلاص دان جاغنله برصلوات ھان سمات-مات اوتنوق مریکه کلیبین-کلیبین بیغ اکن دفراؤلیمه. لفظ صلووات میمع جوکرف موده دان تیدق مغییب ماس بیغ لاما اوتنوق ملاکوکن. سکورغ-کورغ صلووات ایت ایاله:

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ**

مانکلا صلووات بیغ فالیع لغکت دان سقۇرنا، بایات صلووات بیغ سریع کیت باج دالم سیمېیھ ایاله صلووات إبراهیمیه. درقد أبو مسعود الانصاری رکیتیغىن، دی برکات: داتغلە رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ کفڈ کامی سدغ کامی برسام-سام دالم بھلیس سعد بن عبادە. مك برتابله بشیر بن سعد: کامی دفریتھکن الله سوقای مغورچنکن صلووات اوتنوق توان، يا رسول الله، مك باکیمان جاران کامی مغورچنکن صلووات ایت؟ مك رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دیام بېراف لامان سیمېیک تېمبول قراسان کامی، اڭشكە باپکن جاڭ دی تیدق برتان تادى. کومودىن باروله رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسیدا، سیبوتله:

**اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ**

**آرتبن:**  
يا الله بریله صلووات کفڈ محمد دان کلوارك محمد، سباکیمان اگکاو تله میریکن صلووات کفڈ إبراهیم دان کلوارك إبراهیم. دان أۇرکرھیله برکت کفڈ محمد دان کلوارك محمد، سباکیمان تله اگکاو أۇرکرھی برکت کفڈ إبراهیم دان کلوارك إبراهیم دالم سکالین عالم. سسوغکوہن اگکاو اداله مها ترقوجى، لاکى مەها ملیا.

جماعه بیغ درجمی الله، درقد أبو هریره رضی اللہ عنہ ای برکات، رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بیغ ملیا بیغ فسیتی مندافت سسیتی سوکیت دیکیت شرف الام سلاما ۱۲ مام بېرتووت-توروت دمسجد-مسجد، سوراوا-سوراوا، دان پالی-پالی عبادت دسلوروه نکارا، بھلیس جرامە آكام، فوروم دان اجارا کەمۈنچى سېبۇت مولۇد نبی محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قېرىغىت نکارا. سیوا ایت کیت اداکن اداله سباکی تندادا کاسیبه دان مېبۈرکن کەجىتىان ترەدادى بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، دان جوک اوتنوق منبېیکن قېشىجاتىن براً اکام منشوارىن کەمۈلەن اسلام سباکی آكام بیغ درېپاى اویله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى میریتھکن کیت سلاکو اومت بیغ بریمان سوقای مغییبی دان مغاسیبی رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُعَنْ مغېيكىت سنه بیغ دیباوا بکندا. سالە ساتو جارا کیت متونجوقکن رام جىيتا دان کاسیبه کیت کفڈ رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ایاله دُعَنْ مبایقکن صلووات. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله برفمان دالم سورۃ الأحزاب، آیۃ: ۵۶ :

جماعه بیغ درجمی الله، برتفوی له کیت کحضرت الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دُعَنْ مبایقکن کلماڭان کفڈن. سسغکوہن اورغ بیغ فالیع ملیا دسیسی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایت ایاله اورغ بیغ فالیع برتفوی، موده-مودهن کیت منجادی انسان بیغ سنتیاس مغایقىتى الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله کچيان دان کسلامەن دنیا دان جوک دآخرہ.

جماعه بیغ درجمی الله، نبی محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ایاله فتوتوف سیوا نبی، تیاد نبی دان رسول سلفس بکندا. کلاهىر بکندا تله مبایوا سینتر دان رحمة دسلوروه عالم، سباکیمان فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دالم سورۃ الأنبياء، آیۃ: ۱۰۷ :

**تفسیرن:**

دان کامی تیدق مغوتوس اغکاوا (واهی نبی محمد) ملاپىنکن اوتنوق منجادی رحمة باکی سکالین عالم.

أیة این منجلسکن بھاوا نبی محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ داۋوتىس منجادى نبی دان رسول اداله اوتنوق مېمېیکن اجارن-اجارن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، بیکن هان اوتنوق ساتو کولوغۇن اتاو بېغا ترتنو سهاج بھکن اداله اوتنوق كىسجهتىن ملوروھ عالم. ایتلە نعمت كورنىا الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى كفڈ اومت مانسی سقىجع زمان، بکندا مبایوا سینتر جەپىي بومى این دُعَنْ جەپا توحيد دان مامادىكىن كىلاقىن شېرىك دان كىكوفوران، مبایوا ساتو سېستىم كەپىدۇقنى بیغ قۇرۇق دان عادل يەيت شريعة أكام إسلام، سرتەتەندىدىقى اومة إسلام بېرەتلىق دان بېرىدى فىكتى بیغ ملیا. جوسىرتو، كلاهىر نبی محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مروفاکن نعمت دان رحمة بیغ تیدق ترهىغىكا اوتنق اومة إسلام دسلوروھ دنیا منشوكوري دان مغایقىتىن.

جماعه بیغ درجمی الله،

أومت إسلام دسلوروھ دنیا مغایقىتىن بھارى كلاهىر رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بیغ دسیبۇت اتاو درایکن قىد سیتیاف ۱۲ ریبع الاول. کیت دنكارا بېرىنى دارالسلام این جوک تیدق كېيېگالان مغایقىتى كلاهىر بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُعَنْ بېرىاكى-باکى اجارا كاڭامان بیغ درانجۇ دان دجالىكىن سقىتى بھلیس دىكىر شرف الام سلاما ۱۲ مام بېرتووت-توروت دمسجد-مسجد، سوراوا-سوراوا، دان پالى-پالى عبادت دسلوروھ نکارا، بھلیس جرامە آكام، فوروم دان اجارا كەمۈنچى سېبۇت مولۇد نبی محمد صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قېرىغىت نکارا. سیوا ایت کیت اداکن اداله سباکى تندادا کاسىبه دان مېبۈرکن کەجىتىان ترەدادى بکندا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، دان جوک اوتنوق منبېیکن قېشىجاتىن براً اکام منشوارىن کەمۈلەن اسلام سباکى آكام بیغ درېپاى اویله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى میریتھکن کیت سلاکو اومت بیغ بریمان سوقای مغییبی دان مغاسیبی رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دُعَنْ مغېيكىت سنه بیغ دیباوا بکندا. سالە ساتو جارا کیت متونجوقکن رام جىيتا دان کاسىبه کیت کفڈ رسول الله صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ایاله دُعَنْ مبایقکن صلووات. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى تله برفمان دالم سورۃ الأحزاب، آیۃ: ۵۶ :

# دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرـسلامـة درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيـت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْنَاقِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَنْوَاءَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطْفِكَ يَا طَيْفُ يَا حَبِّرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۴.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا لَمَّا مَاتَنَا السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي  
إِلَٰءٍ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يَحِظُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْشَأ  
وَسَعْ كُرْبَبِهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَتُوْدُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَفَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،  
فَاغْفِرْ لِي فَإِنْهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو عن ساعت بسر كقد قع عملن ( تولق بلاء )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

**Bilangan Sebut Harga:**

33 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024  
The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing and Maintenance Of UTP Network Cabling Works and Network Accessories At Information Technology Division, Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu, 9 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



**1. Bilangan Tawaran:**  
(135) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**  
To Supply And Install Windbreaker At Menglait Sports Complexs Badminton Hall Wall

**2. Bilangan Tawaran:**  
(136) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**  
Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Commissioning, Training, Maintenance And Warranty Of CCTV Security Surveillance System At Jerudong Sport Complex

**3. Bilangan Tawaran:**  
(137) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**  
Pembekalan Lapik Kerusi "Banquet Chairs" Di Stadium Tertutup, KSNHB

**4. Bilangan Tawaran:**  
(138) JBS / ADM / QC / 2024

**Keterangan:**  
Supply And Installation Of New Carpet With All Necessary Accessories At Stadium Negara Hassanal Bolkiah

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup:**  
26 September 2024

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**  
(98) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Mencetak Buku "Haluan 2023"

**Yuran :**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Bilangan Tawaran :**  
(99) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Mencetak Buku "Titah-Titah: Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2023"

**Yuran :**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 26 September 2024  
Jam 8.00 Pagi



**Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bil. Sebut Harga:**  
32 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024

The Supply And Delivery Of A3 And A4 Colour Multifunction Printers For Various Departments Under The Ministry Of Religious Affairs

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
2 Oktober 2024  
Jam 2.00  
Petang

**JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**  
(100) INFO / PK / K / 7  
(2024 - 2025)

**Tajuk Sebut Harga :**  
To Design, Supply Deliver, Installation, Configuration, Migration, Integration, Maintenance, Testing And Commissioning Of Information Department Website Upgrade

**Yuran :**  
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 26 September 2024  
Jam 8.30 Pagi

**JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**  
JPB / 3 / 2024

**Keterangan :**  
Membekalkan 2 (Dua) Buah Kenderaan Van

**Bilangan Tawaran:**  
JPB / 4 / 2024

**Keterangan :**  
Membekalkan 1 (Satu) Buah Kenderaan Bas

**Yuran Tawaran:**  
BND10.00

**Tarikh Tutup dan Waktu:**  
Selasa,  
24 September 2024  
Tidak lewat  
jam 2.00  
Petang

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada**  
**Pemborong-Pemborong**  
**Yang Berdaftar Dengan**  
**Kementerian Pembangunan**  
**Di Dalam**

**Kelas :**  
[Pembekal-Pembekal Yang Diluluskan Sahaja]

**Kategori :**  
P02 sahaja

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DWS / 030 / 2024

**Nama Projek:**  
Membekal dan Menghantarkan 70,000 Ton Metrik Calcium Carbonate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - 2024

**Yuran Tawaran :**  
BND2,000.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
24 September 2024

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
8 Oktober 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan**  
**Tajuk Sebut Harga :**

RTB / K / 88 / 24 - 25  
To Supply And Deliver Workstation And Audio Interface For Radio Recording

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**

RTB / K / 93 / 24 - 25  
Supply, Delivery, Installation, Commissioning And Testing Of APT IP Codec For MOU Radio Program

**Yuran Sebut Harga**  
**(Termasuk e-dokumen) :**  
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas**  
**(Hardcopy) :**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk**  
**Memberi Tawaran**  
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

**Jabatan Perdana Menteri**  
**Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**  
JPE / LTK / PDP / 049 / 2024

**Tajuk Tawaran:**  
Replacement Of  
11KV Metalclad Switchgear  
At Katok 66/11KV Main Intake Substation

**Tarikh Tutup:**  
22 Oktober 2024  
(Selasa 2.00 Petang)

**Harga Dokumen:**  
BND500.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**  
Syarikat Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan dalam Kelas 4, 5 atau 6 dan Mempunyai Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam Kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh diperoleh dari Kaunter Unit tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.



BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**  
Rabu,  
25 September 2024  
Jam 2.00 Petang





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Terbuka Bagi**  
Penerbitan Usaha Sama Bagi Menerbit, Mencetak, Membekal dan Menghantar Buku Teks Melayu Islam Beraja Tahun 9 dan Buku Panduan Guru Melayu Islam Beraja Tahun 9 Ke Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun Kewangan 2024-2025

**Bilangan Tawaran:**  
MOE / LTK / 77 / 2024 / 2025  
(JKP-SEPT-2024)

**Keterangan:**  
Projek Penerbitan Usaha Sama (Menerbit, Mencetak, Membekal dan Menghantar) Buku Teks Melayu Islam Beraja Tahun 9 dan Buku Panduan Guru Melayu Islam Beraja Tahun 9 ke Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan, Kementerian Pendidikan

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND35.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Penerimaan Wang Bayaran Yuran Tawaran dan Mengambil Dokumen**

**Tawaran Pada:**  
Sabtu, 28 September 2024

**Tarikh Tutup dan Waktu:**  
Selasa, 5 November 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**  
23 / JMM / S / 12 / 91  
(2024 / 2025)

**Tajuk Sebut Harga :**  
Term Contract (36 Months) for Grass Cutting & Upkeeping Works at Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 10 Oktober 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
III, IV dan V sahaja

**Kategori :**  
B01 dan KA01

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DBSBM023 / 2024

**Bil. Projek**  
JKR / DBS / IMU04 / 2024

**Nama Projek:**

Kontrak Berpenggal bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih / Kerja-Kerja Penggantian pada Rumah-Rumah Tetamu Kerajaan VIP di Assiadah dan Bangunan-Bangunan Berkaitan di Kampung Jerudong Negara Brunei Darussalam bagi Tempoh Tiga Puluh Enam (36) Bulan

**Yuran Tawaran :**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Selasa,  
10 September 2024.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
24 September 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga:**  
3 / SEPTEMBER / 2024 /  
PSB / PD.575

Mencetak, Membekal dan Menghantar Buku, Jurnal dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Tarikh Tutup :**  
Khamis, 26 September 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**

RTB / K / 105 / 24 – 25 Supply, Deliver, Install, Testing & Commissioning Of Two (2) Sets Of Uninterrupted Power Supply (UPS) (20kVA & 15kVA) For Radio System And IT Server & Archive TV

**Bayaran Yuran (Termasuk e-dokumen):**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas:**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**

RTB / K / 109 / 24 – 25 Rewiring Air-Conditioning Distribution Board At Bukit Subok Transmission Station, Radio Television Brunei

**Bayaran Yuran (Termasuk e-dokumen):**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas:**

BND5.00  
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**

Rabu,  
25 September 2024  
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Tawaran Kastam Bil. 12 / 2024**

Tawaran Bagi Membaik Pulih Mesin Pengimbas Jenis Smiths Detection Heimann Yang Ditempatkan Di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup :**

Selasa  
24 September 2024  
2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA PELANCONGAN**

**JPt / TAW / 16 / 2024 - 2025:**  
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Brunei Muara Zon C Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

**JPt / TAW / 17 / 2024 - 2025:**  
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Brunei Muara Zon D Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

**JPt / TAW / 18 / 2024 - 2025:**  
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Belait Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

(Yuran Tawaran BND30.00 | Borang Tawaran BND15.00)

**Tarikh Mula Tawaran :**  
Selasa, 17 September 2024.

**Tarikh Tutup :**  
Selasa, 15 Oktober 2024  
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**Bilangan Tawaran:**  
13 / JPB / SH / 2024

**Keterangan :**  
Three (3) Years Term Contract For Refuse Waste Collection At Ibu Pejabat And Pusat Latihan, Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
14 / JPB / SH / 2024

**Keterangan :**  
Three (3) Years Term Contract For Refuse Waste Collection At Penjara Wanita, Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**  
15 / JPB / SH / 2024

**Keterangan :**  
Three (3) Years Term Contract For Refuse Waste Collection At Maraburong Phase 1 And Maraburong Phase 3, Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**  
Selasa,  
24 September 2024  
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibuka Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**  
V & VI sahaja

**Kategori :**  
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**  
Tidak lewat Selasa,  
17 September 2024,  
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran :**  
Selasa,  
24 September 2024,  
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**  
JKR / DOR / SRM 18 / 2024

**Nama Projek:**  
Pemasangan dan Pemeliharaan Perabot Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

# مجالس علم ٢٠٢٤

MAJLIS ILMU 2024

سمبوتن قرایاءن هاری کشوراءن کاوه دولي يعهمها مليا قادر سري بکندا سلطان دان يعقد فرتوان  
نکارابروني دارالسلام لـ ٧٨ تاهون

## مناغني بجا الامينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

### MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2024

Rabu | 14 Rabiulawal 1446H bersamaan 18 September 2024M  
Bermula 8.00 pagi

### FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2024

Khamis | 15 Rabiulawal 1446H bersamaan 19 September 2024M  
Bermula 8.00 pagi

### CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2024

Sabtu | 17 Rabiulawal 1446H bersamaan 21 September 2024M  
Bermula 8.45 pagi

### PAMERAN MAJLIS ILMU 2024

14 hingga 29 Rabiulawal 1446H | 18 September hingga 3 Oktober 2024M  
(Pameran terbuka bagi kunjungan orang ramai)

**BERTEMPAT: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

#### Penganjur Bersama



# SM MASIN ANJUR STUDENT LEARNING SHOWCASE

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Sekolah Menengah Masin



**PEMANGKU** Pengarah Pendidikan Khas, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Student Learning Showcase bagi pelajar-pelajar Tahun 10 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Dalam membangunkan persekitaran pembelajaran yang berkesan dengan mengutamakan pembangunan pelajar, Sekolah Menengah (SM) Masin telah mengadakan Program Student Learning Showcase bagi pelajar-pelajar Tahun 10 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu

kehormat pada acara tersebut ialah Pemangku Pengarah Pendidikan Khas, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Seridol bin Hussin, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Sekolah Menengah Masin, Dayang Hajah Norwen binti Haji Brahim.

Dalam ucapannya, Student Learning Showcase ini mula diperkenalkan pada tahun 2023. Program ini merupakan satu platform yang melibatkan kesemua pelajar Tahun 10 bagi memperkenalkan kemahiran, idea dan kreativiti yang telah mereka peroleh sepanjang pembelajaran mereka.

Student Learning Showcase ini juga tambah beliau menjurus kepada Matlamat Strategik 1 - Kementerian Pendidikan iaitu memberikan tumpuan kepada usaha untuk melahirkan pelajar siap siaga masa hadapan dengan kemahiran dan keupayaan untuk berinovasi.

Selain itu, ia merupakan wadah untuk warga sekolah termasuk ibu bapa dan komuniti bagi menghargai usaha dan pencapaian para pelajar, dengan memberikan sokongan yang sewajarnya bagi memupuk semangat pembelajaran berterusan.

Antara matlamat program ini diadakan adalah untuk memaksimumkan potensi guru dan pelajar melalui peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta memantapkan penglibatan masyarakat, ibu bapa dan pihak lain dalam pencapaian pelajar.

Sebanyak lapan buah kelas Tahun 10 telah memamerkan projek-projek mereka secara berkumpulan dengan pelbagai idea kreatif berdasarkan hasil pembelajaran dalam kelas masing-masing. Turut serta juga, para



pelajar pravokasional (Auladul Jannah).

Projek-projek yang dipamerkan merangkumi Projek The Wonders Of Chemistry : Where Curiosity Sparks Discovery di bawah subjek Chemistry; Projek Emerald Airlines di bawah subjek Business Studies, Travel & Tourism, Food & Nutrition; Projek Warisan Brunei di bawah subjek Travel & Tourism, Food & Nutrition dan Melayu Islam Beraja; Projek Model of Composite Volcano / Japanese Occupation of Malaya di bawah subjek Geography and History; Projek Art Reflects All Aspect of Life di bawah subjek Art and Design.

Sementara itu, Projek Solid and

Nets di bawah subjek Mathematics; Projek Recycling Agriculture Waste Into Marketable Value Product di bawah subjek Steam Life Skill; Projek Khidmat Cuci Kereta dan Projek AJ Inspire Centre bagi subjek Life Skill.

Juga dipamerkan adalah program Tahun 9 iaitu Ceria in Action dan Eksplorasi Kerjaya bagi Pelajar Tahun 11. Acara diserikan dengan tayangan video Student Learning Showcase, diikuti dengan sinopsis acara tersebut dari kelas Tahun 10. Acara diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat, bergambar ramai dan melawat ke galeri-galeri pameran dan ikut serta dalam aktiviti dan kuiz yang telah disediakan.

## Operasi Sepadu temukan pelbagai kesalahan



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**ANTARA** objektif Operasi Sepadu berkenaan adalah sebagai tindakan proaktif bagi mengeratkan lagi kerja berpasukan khususnya bagi mencegah kejadian yang melanggar peraturan dan undang-undang di negara ini sekali gus membendung sebarang kegiatan jenayah sebelum Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H di Daerah Brunei Muara (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).



**BRUNEI MUARA**, Sabtu, 14 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang melibatkan pegawai dan anggota seramai 180 orang dari Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei Muara, PPDB; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED); Biro Kawalan Narkotik (BKN); Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK); Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN); Jabatan Buruh; Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (JBBSB) dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) pada 13 September

2024.

Objektif operasi adalah bagi memastikan pelaksanaan perjalanan perhimpunan dan perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah di Daerah Brunei dan Muara berjalan dengan lancar melalui pendekatan Pencegahan jenayah.

Operasi berkenaan diketuai oleh Penolong Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Bahagian Operasi (A/OCPD OPS), DSP Pengiran Haji Khairul Hakimin bin Pengiran Haji Kamaludin; Pegawai Penyiasat Jenayah Daerah Polis Brunei Muara (DSP), Mohammad Amerol

bin Haji Metussin serta pegawai-pegawai dan anggota agensi yang terlibat dalam operasi berkenaan.

Sasaran operasi tertumpu di gedung-gedung perniagaan di BSB dan secara serentak dijalankan di kawasan Jalan McArthur, Jalan Sultan dan Jalan Roberts.

Berikut hasil daripada operasi berkenaan, pelbagai kesalahan ditemukan, iaitu JKED - enam orang ditahan atas kesalahan memiliki minuman keras dan rokok di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais 2006; BKN - lima lelaki ditahan atas kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, iaitu memakan dadah terkawal dan memiliki alat dipercayai untuk menghisap dadah; JPE - tiga buah premis didapat kesalahan dan dipotong bekalan elektrik; Jabatan Buruh - 65 pekerja diambil keterangan dan mendapat kesalahan-kesalahan majikan di bawah Perintah Pekerjaan 2009; dan JBBSB - sebuah restoran didapati membuat kesalahan membuang sampah perniagaan di kawasan belakang premis.

Antara objektif Operasi Sepadu berkenaan adalah sebagai tindakan proaktif bagi mengeratkan lagi kerja berpasukan khususnya bagi mencegah kejadian yang melanggar peraturan dan undang-undang di negara ini sekali gus membendung sebarang kegiatan jenayah sebelum Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446H di Daerah Brunei dan Muara.

# IMBASAN MINGGUAN



SEKOLAH Al-Falaah, Sungai Akar mengadakan Musabaqah Mari Bercerita 3 Bahasa dan Hafazan Al-Quran bertempat di Auditorium, sekolah berkenaan. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

SALAH satu kumpulan semasa Pertandingan Tarannum Al-Quran Peringkat Akhir bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Tahun 2024. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



ANTARA yang menyertai Sambutan Hari Kedamaian Sedunia (International Day of Peace) Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam yang merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan dan pada tahun ini membawa tema 'Sustaining Peace and Harmony'. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

MAJLIS Ihya Maulidur Rasul bagi Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Daerah Tutong menyemarakkan Sambutan Maulidur Rasul yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



SUASANA semasa Majlis Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia 2024 bertepatan dengan Program Bandarku Ceria. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



# OPERASI KABAT : 11 WARGA ASING DITAHAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



OPERASI Kabat 98 / 2024 menyasarkan di tapak pembinaan di Mukim Liang (atas), manakala gambar kanan, Operasi Kabat 100 / 2024 yang menyasarkan di tapak perindustrian di Mukim Gadong 'B'.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Cawangan Kuala Belait telah melaksanakan Operasi Kabat 98 / 2024 sementara itu, Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan pula

menjalankan Operasi Kabat 100 / 2024.

Operasi Kabat 98 / 2024 menyasarkan di tapak pembinaan di Mukim Liang. Hasil operasi didapati

peperiksaan dijalankan ke atas 13 warga asing di mana sembilan daripadanya telah pun ditahan dan

dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 55(4)(a)(b) (c), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu kegagalan untuk mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Manakala Operasi Kabat 100 / 2024 telah menyasarkan di tapak perindustrian di Mukim Gadong 'B' di mana pemeriksaan dijalankan ke atas dua warga asing yang mana kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut setelah gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

Kedua-dua warga asing berkenaan turut dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mereka mansuh dan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK)



mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

## 385 tin minuman keras berjaya dirampas

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



HASIL siasatan mendapati beberapa karton minuman keras sebanyak 385 tin telah berjaya dirampas. Kesemua barang tegahan termasuk perahu diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk siasatan lanjut (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Polis Marin (PolMar) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi penguat kuasa undang-undang

terdiri dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dengan tujuan untuk mencegah sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang di perairan Negara

Brunei Darussalam khususnya Teluk Brunei.

Pada 13 September 2024 sekitar waktu Subuh hasil pemantauan awal daripada Pasukan Operasi telah mengesan dua perahu sedang menjalankan aktiviti mencurigakan di perairan Sungai Brunei dan kemudiannya berhasil menemui dua buah perahu tersebut tanpa pemandu yang membawa muatan dipercayai barang-barang tegahan berada di perairan sungai hutan bakau berhampiran kawasan letak kereta penduduk Perumahan Kampung Sungai Bunga.

Pemandu perahu dipercayai telah melarikan diri setelah menyedari kehadiran Pasukan Operasi. Kedua-dua perahu kemudiannya dibawa ke Pangkalan Ibu Pejabat PolMar bagi siasatan lanjut.

Hasil siasatan mendapati beberapa karton minuman keras sebanyak 385 tin telah berjaya dirampas. Kesemua barang tegahan termasuk perahu diserahkan kepada pihak JKED untuk siasatan lanjut.



## 8 kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 dikesan

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Buruh



BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh mengendalikan Operasi Siaga Bersepadu 2024 bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 14 September. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh

mengendalikan Operasi Siaga Bersepadu 2024 bersama dengan Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), pada 7 September 2024 bertujuan untuk

sama-sama menguatkuaskan dan memastikan undang-undang dan peraturan dipatuhi oleh para majikan. Majikan gagal memberikan perlindungan insurans perubatan kepada pekerja-pekerja.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi

kesalahan berkenaan. Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan

dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan-majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti

mengarahkan pekerja-pekerja melakukan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan menurut lesen, pekerja hendaklah diberikan cuti tahunan berbayar tidak kurang daripada

tujuh hari dalam setahun, cuti awam yang diwartakan hendaklah diberikan kepada pekerja-pekerja, hendaklah

diberikan cuti rehat sehari dalam mana-mana hari dalam seminggu dan dinasihatkan juga mematuhi peraturan dan undang-undang yang ada di negara ini.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



## Majlis Ilmu wadah kepada negara berkat, rakyat selamat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**M**AJLIS Ilmu 2024 yang akan berlangsung pada 18 September 2024 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004. Majlis Ilmu telah banyak menyumbangkan pelbagai ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu 2024 akan menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta kerabat diraja. Setentunya ini akan menjadi ristaan baik dalam menyatakan perhatian berat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan ilmu dan usaha menguasai ilmu sesuai dengan ajaran Islam.

Majlis Ilmu 2024 pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

dan juga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

### Majlis Ilmu wadah kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Sekjak ia pertama kali diungkayahkan pada tahun 2004, Majlis Ilmu telah banyak menghidangkan pelbagai ilmu pengetahuan kepada rakyat dan penduduk di negara ini sekali gus sebagai wadah mercu tanda kepimpinan intelektualisme Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Ini juga selaras dengan titah Kebawah DYMM semasa Majlis Ilmu 2023 di mana baginda antaranya bertitah :

*"Beta melihat Majlis Ilmu masih saja tetap relevan untuk diungkayahkan, kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini."*

*"Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, beta bersyukur kerana kita terus-menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa jua cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP ugama."*

*"Inilah amalan dan tradisi kita orang-orang Brunei yang diwarisi sejak dahulu lagi, iaitu berupa memperbanyakkan bacaan Al-Quran seperti membaca Surah Yaa Siin, berzikir, berselawat, berdoa, melaksanakan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Doa Qunut Nazilah, membaca Ratib Al-Attas dan mengadakan Malam Munajat secara berterusan sehingga sekarang."*

*"Pada hemat beta, semua ini adalah berunsur taubat kerana munajat itu sendiri adalah wasilah dan jalan menuju taubat."*

*"Oleh itu, beta berseru, supaya kita terus-*

*menerus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih berkat dan rahmat-Nya".* (Petikan titah Kebawah DYMM sempena Majlis Ilmu 2023 dengan membawa tema 'Munajat Senegara Dengan Taubat').

Seperti lazimnya pada tahun-tahun sebelumnya, Majlis Ilmu 2024 akan diisi dengan pelbagai atur cara berupa ceramah, seminar, pelancaran buku dan juga yang paling menariknya juga yang sering mendapat perhatian serta kunjungan orang ramai ialah pameran yang merupakan salah satu perisian Majlis Ilmu 2024.

### Sinopsis Pameran Majlis Ilmu 2024

#### Tema : Menangani Gejala Mental

Pameran Majlis Ilmu 2024, dengan tema 'Menangani Gejala Mental' bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari. Pameran ini disusun dalam lima zon utama yang memberikan gambaran tentang aspek kesihatan mental dari pelbagai perspektif.

**Zon 1 :** Pengunjung akan diperkenalkan kepada konsep kesihatan mental melalui perspektif Islam dan sains, memberikan pemahaman asas tentang kepentingan menjaga kesejahteraan mental dari sudut agama dan saintifik.

**Zon 2 :** Terowong Kehidupan menayangkan video yang memaparkan gejala mental. Selain itu, maklumat tambahan, termasuk statistik dan data tentang kesihatan mental, turut dikongsikan, merangkumi pelbagai peringkat kehidupan dari sebelum kelahiran hingga persaraan. 'Click-to-Learn' disediakan sebagai bahan maklumat tambahan yang menerangkan gejala-gejala mental

yang lain.

**Zon 3 & 4 :** Pengunjung akan didedahkan kepada rawatan bersepadu yang disediakan oleh agensi kerajaan dan swasta. Zon-zon ini juga menampilkan aktiviti kesedaran mental, serta penerangan tentang akta dan dasar yang berkaitan. Video mengenai rawatan bersepadu turut ditayangkan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang pendekatan menyeluruh dalam menangani isu mental.

**Zon 5 :** Tempat 'Coffee-and-Chat' disediakan untuk pengunjung bertemu dengan pihak-pihak yang menawarkan pemberian maklumat, khidmat nasihat, serta jualan dan pemasaran produk yang berkaitan dengan kesihatan mental.

Pada penghujung pameran, pengunjung dialu-alukan untuk mengisi survey sebagai refleksi dan penilaian terhadap pengalaman di sepanjang pameran. Pameran ini bukan sahaja bertujuan untuk menyampaikan maklumat tetapi juga untuk menggalakkan pengunjung mengambil tindakan dalam memperbaiki kesejahteraan mental mereka dan komuniti sekeliling.

Dengan bersandarkan kepada tema Majlis Ilmu 2024, 'Menangani Gejala Mental', diharapkan ia akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat tentang kesihatan mental. Mengurangkan stigma terhadap masalah kesihatan mental, sekali gus mewujudkan komuniti yang lebih menyokong dan pemeduli. Membangun individu yang sejahtera dalam keluarga dan masyarakat, sekali gus menjadi warga yang sihat serta produktif kepada negara sekali gus membantu memperkasa Pelan Tindakan Kesihatan Mental Brunei Darussalam 2022-2025.



*Munajat Senegara Dengan Taubat*

*سَبُورْتُنْ قَرِيَامَنْ هَارِيْ كَهْزَامَنْ  
كَبَاوَهْ دُولِيْ يَقْمَهَا مَلِيَا قَادِكَ سَرِيْ بَكْنَدَاسْلَطَانَ  
دانْ يَعْدَقْ قَوَانْ نَكَارَابُونِيْ دَارَالسَّلَامَكَ - ٧٧ تَاهُونَ*

# Ilmu tentang jiwa (mental) ilmu penting pada zaman selepas zaman Rasulullah



Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ihsan Dr. Haji Awang Mohammed Hussain Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad, Dayang Amalina Awang Haji Junggal

**M**AJLIS Ilmu adalah merupakan salah satu acara utama perayaan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diungkayahkan oleh Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu sejak tahun 2004. Majlis Ilmu telah banyak menyumbangkan pelbagai ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Fokus Majlis Ilmu setiap tahun ditentukan oleh tema yang dipilih bagi tahun berkenaan. Hingga kini Majlis Ilmu masih saja tetap relevan kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini terutama sekali dalam menjadikan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa berpegang teguh dengan perintah Allah Subhanahu Wata'alai sekali gus menjadikan NBD sentiasa di dalam lindungan rahmat Allah jua.

Ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Ilmu 2023 di mana baginda antaranya bertitah :

*"Beta melihat Majlis Ilmu masih saja tetap relevan untuk diungkayahkan, kerana ia telah banyak menyumbang dan mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat di negara ini."*

*"Dalam konteks NBD, beta bersyukur kerana kita terus menerus istiqamah dengan cara kita sendiri menghadapi apa jua cabaran dan musibah, iaitu dengan amalan SOP ugama."*

*"Inilah amalan dan tradisi kita orang-orang Brunei yang diwarisi sejak dahulu lagi, iaitu berupa memperbanyakkan bacaan Al-Quran seperti membaca Surah Yaa Siin, berzikir, berselawat, berdoa, melaksanakan Sembahyang Sunat Hajat dan membaca Doa Qunut Nazilah, membaca Ratib Al-Attas dan mengadakan Malam Munajat secara berterusan sehingga sekarang."*

*"Pada hemat beta, semua ini adalah berunsur taubat kerana munajat itu sendiri adalah wasilah dan jalan menuju taubat."*

*"Oleh itu, beta berseru, supaya kita terus-menerus mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'alai untuk meraih berkat dan rahmat-Nya".* (Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ilmu 2023 dengan membawa tema 'Munajat Senegara Dengan Taubat').

Manakala pada tahun ini pula tema bagi Majlis Ilmu 2024 ialah 'Menangani Gejala Mental' yang mana tema pada tahun ini lebih menyentuh kepada kesihatan fizikal dan mental. Seperti yang kita sedia maklum, kesihatan merupakan anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'alai.

Kesihatan mental yang sempurna bukan hanya menjadikan seseorang itu berupaya untuk berfikir secara rasional tetapi juga menjadikannya berupaya mengawal dan bertindak secara lebih baik dalam menangani apa jua cabaran yang timbul dalam kehidupan



seharian.

Sehubungan dengan tema pada tahun ini dalam temu bual Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Pelita Brunei bersama Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad dan Pegawai Penyelidik Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Amalina binti Awang Haji

Junggal mengenai dengan kesihatan dan juga gejala mental menjelaskan di mana kesihatan adalah satu nikmat yang dianugerahkan Allah kepada seseorang dan dengan kesihatan, seseorang mampu menjalani kehidupan sehari-hari dan melaksanakan tugas dan wajipannya sebagai hamba Allah.

Menurut Dr. Haji Awang Mohammed Hussain, kesihatan bukan sahaja penting pada tubuh badan tetapi kesihatan yang sempurna merangkumi kesihatan fizikal (fisiologi), rohani (spiritual), mental (psikologi) dan sosial (sosiologi).

"Seseorang yang tidak mempunyai kesihatan yang sempurna atau lengkap atau menghidap penyakit akan sedikit sebanyak menerima kesan negatif yang dapat menyebabkan timbulnya gangguan emosi dan gangguan mental yang perlu ditangani dan dirawat berdasarkan aspek-aspek tersebut".

"Kesihatan mental adalah sesuatu yang perlu dijaga dengan baik. Penyakit mental boleh dikatakan sebagai gangguan yang melibatkan emosi, tingkah laku dan pemikiran seseorang. Gangguan ini biasanya berpunca daripada musibah, masalah, cabaran dan tekanan hidup yang dihadapi oleh seseorang individu jika sekiranya ia tidak dapat ditangani dengan baik".

Dalam ajaran Islam, seseorang yang ditimpa musibah, masalah dan cabaran hidup tidak lain hanyalah untuk menguji keimanannya kepada Allah. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Ankabut, ayat 2 : yang bermaksud :

*"Adakah manusia itu menyangka bahawa mereka akan dibiarakan dengan hanya berkata : "Kami telah beriman," sedang mereka tidak diuji?"*

Menurut Dr. Haji Awang Mohammed Hussain menjelaskan di mana Allah telah menjelaskan di dalam Al-Quran beberapa jenis ujian dan musibah yang diturunkan kepada hamba-hamba-Nya untuk menguji mereka. Dalam masa yang sama, Allah juga turut menjanjikan balasan baik dan ganjaran yang berupa kegembiraan, pelbagai jenis kebaikan dan petunjuk bagi mereka yang tetap bersabar dalam menghadapi ujian-ujian tersebut yang mana Al-Quran sudah menunjukkan secara jelas bahawa amalan agama dengan mempraktikkan zikir dan sentiasa ingat kepada Allah adalah merupakan terapi kesihatan mental yang menerbitkan rasa ketenangan jiwa, kedamaian dan kebahagiaan seperti firman-Nya di dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 yang bermaksud :

*"Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingati Allah Subhanahu Wata'alai). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".*

Menangani isu mental dalam perspektif Islam

Dalam usaha menangani isu mental dalam perspektif Islam pula, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain juga mengatakan yang kita selaku hamba Allah perlu sentiasa menjaga kesihatan secara menyeluruh dan ini juga sebagaimana yang disebut dalam hadis Rasulullah yang berbunyi :

Sahabat Rasulullah Ubaidullah bin Mihsan Al-Khatmi Radiallahuanhu berkata : Rasulullah bersabda : "Sesiapa di antara kamu yang berada di pagi hari dalam keadaan aman pada dirinya - (ada riwayat yang mengatakan : pada tempat tinggal dan kaum keluarganya) - sihat jasmani tubuh badannya, dan ia memiliki makanan pada hari itu, maka seolah-olah dunia dengan seluruh isinya telah dikumpulkan dan dihimpun untuknya". (Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

Dalam hadis ini ujar Dr. Haji Awang Mohammed Hussain, jelas menunjukkan bahawa tiga nikmat di atas yang merangkumi keamanan, kesihatan dan kesejahteraan hidup jika diperoleh atau ada pada diri seseorang, maka dia telah mendapat nikmat yang besar seolah-olah dia telah memiliki dunia seisisnya.

Terang beliau lagi, hadis ini juga sebenarnya memberikan gambaran kepada kedua-dua bentuk kesihatan fizikal tubuh badan dan juga kesihatan mental kerana seseorang yang memulakan kehidupan sehari-hari dalam keadaan fizikal tubuh badan yang sihat, dalam keadaan suasana yang aman damai dan tenteram sama ada pada dirinya, keluarganya dan juga persekitarannya, serta dia memiliki bekalan makanan yang mencukupi untuk dimakannya pada hari tersebut, maka dia seolah-olah telah diberikan segala nikmat dunia.

"Perkara ini jelas jika dibandingkan dengan seseorang yang bangun di pagi hari dalam keadaan sakit, atau dalam keadaan ketakutan disebabkan tidak aman sama ada pada dirinya, keluarganya atau persekitarannya, atau kerisauan kerana tidak mempunyai makanan atau perbelanjaan yang mencukupi untuk menjamin keperluannya pada hari tersebut, maka sudah setentunya emosi dan pemikirannya akan terganggu yang boleh menimbulkan gangguan mental," ujar beliau.

Beliau juga turut menjelaskan, Rasulullah juga ada menyatakan yang mana kesihatan jasmani dan rohani boleh dicapai melalui lima aspek yang utama (At-Tirmidzi) :

1. Rohani yang perlu diisi dengan pengabdian kepada Allah.

2. Minda atau akal yang perlu diisi dengan pengetahuan.

3. Fizikal yang perlu diisi dengan aktiviti riadah.

4. Pemakanan yang perlu diisi dengan makanan yang halal dan bersih lagi seimbang.

5. Gaya hidup yang perlu diisi dengan amalan yang sihat.

Mengubati penyakit mental dalam ajaran Islam

Kaedah rawatan Islam mementingkan unsur-unsur roh dan jasad sebagai elemen utama dalam mencari kaedah rawatan kepada penyakit mental. Rasulullah menganjurkan kepada para sahabat untuk berusaha mencari apa sahaja ubat dan bentuk rawatan bagi semua penyakit selagi mana tidak menggunakan bahan-bahan yang diharamkan :

Dari Usamah bin Sharik Radiallahuanhu berkata, nabi bersabda : "Berubatlah wahai hamba-hamba Allah, sesungguhnya Allah tidak meletakkan penyakit, melainkan meletakkan untuknya ubat kecuali penyakit tua". (Hadis Riwayat Abu Daud).

Dalam hal ini, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain juga turut menjelaskan, Rasulullah mengajarkan pendekatan atau terapi yang boleh diambil dalam mengubati penyakit mental :

1. Solat. Solat mampu memadamkan kemurungan. Rasulullah mengajarkan kita untuk solat ketika berasa letih. Sebelum solat,

setiap Muslim akan mengambil wuduk yang mana wuduk ini salah satu terapi yang boleh menghilangkan rasa marah dan membersihkan manusia daripada kotoran badan dan hati.

2. Membuat amal kebaikan seperti mengeluarkan zakat dan sedekah yang dapat memberikan kebahagiaan dan membersihkan serta menyucikan jiwa.

3. Berdoa dan berzikir. Zikir mampu mengawal emosi dan perasaan negatif yang boleh melahirkan ketenangan.

4. Berserah kepada Allah (tawakal).

5. Menjaga kesihatan tubuh badan.

6. Mencari sokongan sosial dengan menjaga hubungan baik dengan keluarga, rakan dan masyarakat serta sentiasa bergaul dengan masyarakat dalam mendekatkan diri kepada Allah seperti melakukan solat berjemaah di masjid dan menghadiri aktiviti keilmuan.

7. Menghindari perkara-perkara yang merosakkan tubuh badan dan fikiran.

8. Mengambil pengajaran daripada ujian agar tetap sabar dan tabah.

9. Merawat jiwa dengan teori dan teknik yang berteraskan Al-Quran, hadis dan ilmu pengetahuan yang dibina selari dengan prinsip syarak.

10. Bersederhana dalam kehidupan. Mengamalkan keseimbangan hidup antara dunia dan ukhwari.

## Penyebab kepada gangguan mental

Semasa temu bual bersama Dr. Haji Awang Mohammed Hussain juga menyentuh penyebab kepada gangguan mental tersebut, iaitu :

1. Berasa tidak cukup. Islam menekankan perasaan syukur dengan segala nikmat yang Allah kurniakan. Rasulullah sendiri menunjukkan rasa syukur kepada Allah dengan memperbanyakkan solat sunat, melaikatkan Tahmid (Alhamdulillah).

2. Tekanan hidup yang mengakibatkan kemurungan. Rasulullah mengajarkan umatnya untuk menetapkan matlamat hidup yang betul adalah dengan meletakkan akhirat sebagai tujuan hidup yang utama.

3. Putus asa. Dalam hal putus asa ini juga, para sahabat telah ditimpakan ujian berat sehingga ada dalam kalangan mereka yang hampir putus asa dan memohon pertolongan Rasulullah untuk berdoa agar dipercepatkan kemenangan. Rasulullah mengajarkan erti kesabaran dan keikhlasan dengan meneladani kisah-kisah para rasul dan umat terdahulu yang telah mengalami ujian lebih dahsyat untuk meningkatkan semangat, menguatkan hati dan pendirian terhadap agama.

Menurut Dr. Haji Awang Mohammed Hussain lagi, sebenarnya perihal tekanan mental ini juga pernah dilalui pada zaman Rasulullah sendiri :

1. Rasulullah adalah orang yang maksum, terpelihara daripada berbuat dosa. Walau bagaimanapun, Rasulullah menjalani kehidupan seperti manusia biasa dan pernah mengalami tekanan mental apabila diberi ujian ketika menyampaikan dakwah dan menghadapi musuh. Ujian yang Baginda hadapi adalah lebih berat daripada yang dihadapi umatnya. Rasulullah ditimpa ujian berat adalah untuk mengajarkan umatnya cara menangani dengan mengikut apa yang diajarkan oleh Allah. Disebutkan dalam hadis :

## &gt;&gt; Muka 21

Daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, berkata : "Aku pernah menemui Rasulullah ketika beliau sedang sakit, lalu aku berkata : "Wahai Rasulullah, engkau sedang mengalami sakit yang amat berat". Baginda bersabda : "Benar, rasa sakit yang menimpaku ini sama seperti rasa sakit yang menimpa dua orang daripada kamu". Aku kemudian berkata : "Sebab itu engkau mendapat dua pahala?" Baginda menjawab : "Benar, seperti itulah. Tidaklah seorang Muslim yang tertimpak suatu musibah (penyakit) atau yang lain, melainkan Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya seperti pohon menggugurkan dedaunannya". (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim). Dari Sa'ad berkata, aku bertanya : "Wahai Rasulullah, manusia manakah yang paling berat ujiannya?" Baginda menjawab : "Para nabi, kemudian yang semisalnya dan semisalnya lagi. Seseorang akan diuji sesuai dengan kadar agamanya. Apabila agamanya kukuh (kuat), maka semakin berat pula ujiannya. Apabila agamanya lemah, maka ia akan diuji sesuai dengan kadar agamanya. Seorang hamba sentiasa akan mendapatkan cubaan hingga dia berjalan di muka bumi dalam keadaan bersih daripada dosa". (Hadis Riwayat At-Tirmidzi).

Rasulullah setelah menerima wahu pertama, terjadilah putus wahu (tidak menerima wahu dalam satu waktu yang lama) sehinggakan Rasulullah merasa gelisah dan bingung. Disebutkan dalam hadis yang maksudnya :

Berkata Al-Zuhri : "Urwah telah menghikmahkan kepadaku dari 'Aisyah Radiallahuanha : "Wahyu mengalami keterputusan hingga membuat nabi sedih. Sebagaimana cerita yang sampai kepada kami (Al-Zuhri), kesedihan tersebut berulang kali sehingga membuatnya ingin terjun dari puncak tepi bukit. Setiap kali mencapai puncak bukit untuk terjun maka muncullah Jibril dan berkata : "Wahai Muhammad sesungguhnya engkau adalah utusan Allah yang benar," sehingga badan dan jiwa beliau tenang kembali lalu pulang. Namun disaat wahu tidak kunjung tiba, maka beliau pun mengulangi tindakan sebagaimana sebelumnya. Ketika beliau mencapai puncak gunung, Malaikat Jibril menampakkan dirinya dan berkata kepadanya sebagaimana yang sebelumnya terjadi". (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

Berkata Ibn Tulun Al-Salihi, adapun hikmah tidak diturunkan wahu dalam satu tempoh masa yang panjang adalah :

1) Untuk menghilangkan rasa takut dan gementar yang ada pada Nabi Muhammad ketika pertama kali turun wahu kepadanya, dan untuk menimbulkan kerinduan menantikan berulang turunnya wahu seterusnya.

2) Rasulullah tidak pernah meragui walau sesaat pun bahawa Baginda adalah seorang nabi dan Allah menguatkan hatinya dengan wahu itu. Adapun perasaan takut dan gementar yang dirasainya ketika wahu pertama kali turun adalah menunjukkan sifat kemanusiaannya

dan menunjukkan betapa berat wahu itu. Baginda juga pernah mengalami tekanan disebabkan beratnya wahu yang diterima selepas itu apabila wahu itu turun dalam beberapa bentuknya.

2. Dr. Haji Awang Mohammed Hussain juga ada menerangkan di mana Rasulullah pernah bersedih hati kerana kaumnya tidak mahu beriman kepada Al-Quran dan kenabiannya. Allah mengingatkan Rasulullah agar tidak bersedih hati sehingga merosakkan kesihatan dirinya. Seperti yang disebutkan dalam Surah Al-Kahfi ayat 6, yang bermaksud : "Maka jangan-jangan pula engkau (wahai Muhammad), membinasakan dirimu disebabkan menanggung dukacita terhadap kesan-kesan perbuatan buruk mereka, jika mereka enggan beriman kepada keterangan Al-Quran ini".

Rasulullah juga pernah mengajarkan doa kepada puteri Baginda, Fatimah Radiallahuanha untuk menjaga kesihatan mental dan memintanya untuk membacakan doa tersebut pada waktu pagi dan petang iaitu :

"Ya Hayyu Ya Qayyum, dengan rahmat-Mu aku memohon pertolongan. Perbaikilah urusanku seluruhnya dan jangan Engkau serahkan aku kepada diriku walau hanya sekilip mata". (Hadis Riwayat Al-Nasa'i).

## Kesihatan mental di dunia Islam

Secara kesimpulannya, menurut Dr. Haji Awang Mohammed Hussain, ilmu tentang jiwa (mental) adalah salah satu ilmu penting

pada zaman selepas zaman Rasulullah yang mana Islam memiliki tokoh-tokoh ilmu dalam pelbagai bidang termasuk bidang kesihatan mental dan kajian tentang kesihatan mental telah dicetus oleh ulama bernama Abu Bakr Muhammad bin Zakariya bin Yahya Al-Razi (854-932M).

Jelasnya, era Al-Razi merupakan era mengumpulkan ilmu-ilmu perubatan, baik dari Al-Quran dan hadis maupun ilmu dari Timur dan Barat seperti India, Persia dan Yunani terus dilakukan dan dikembangkan di kota-kota besar Islam.

Beliau, menurut Dr. Haji Awang Mohammed Hussain adalah orang pertama yang menyatakan bahawa keadaan jasmani daripada seseorang banyak terpengaruhi oleh kestabilan jiwa dan kestabilan jiwa yang dimiliki seseorang ditentukan oleh faktor yang ada di sekelilingnya.

Oleh kerana itu, ujar Dr. Haji Awang Mohammed Hussain, untuk mempercepatkan proses penyembuhan pesakit, mestilah dilakukan pelbagai usaha dalam bentuk terapi secara fizikal (psikoterapi / kaunseling), terapi bukan-fizikal (kaitannya dengan agama seperti yang diajarkan Al-Quran dan Rasulullah), serta memiliki lingkungan yang tepat sebagai pendukung (sokongan / motivasi) ketika dalam proses penyembuhan manakala seterusnya pemikiran Al-Razi tentang kesihatan jasmani yang berakar pada kesihatan mental atau jiwa telah dikembangkan oleh tokoh-tokoh besar setelahnya seperti Ibn Sina, Ibn Tufayl dan lain-lain lagi.

## KONGSI ILMU TEKNIK SENI MELUKIS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 15 September. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) dengan kerjasama Creative Space memberi peluang kepada orang ramai terutamanya bagi pencinta seni lukisan untuk menambah ilmu dan mempelajari teknik-teknik seni melukis melalui Bengkel Lukisan Abstrak yang dikendalikan oleh

para pelukis seniman tempatan.

Bengkel yang diadakan bersempena dengan Pameran Uciran Calak Brunei itu diadakan selama dua hari iaitu hari ini dan juga pada Ahad, 6 Oktober 2024 nanti bertempat di PSB, di ibu negara bermula jam 8.00 pagi.

Salah seorang pelukis yang ditemui pada bengkel tersebut, Pengiran Timbang bin Pengiran Haji Tuah sudah terlibat dan meminati bidang seni melukis sejak dari kecil lagi.

"Kami mengambil kesempatan untuk memberi bengkel kepada sesiapa pun yang berminat untuk melukis secara moden. Mempelajari bagaimana kita boleh mengolah



BENGKEL Lukisan Abstrak bersempena dengan Pameran Uciran Calak Brunei dikendalikan oleh para pelukis seniman tempatan (atas kiri dan atas kanan).

bentuk-bentuk yang kita inginkan. Banyak variasi dapat dilihat. Itulah yang kami harapkan kepada orang yang suka belajar melukis secara moden," ujarnya yang sudah memiliki ratusan koleksi lukisan.

Menurut beliau, teknik lukisan yang sering beliau lukis lebih menjurus kepada lukisan pemandangan Kampong Ayer. Pengiran Timbang turut melahirkan harapan kepada para pelukis negara untuk tampil dan mengambil kesempatan untuk menyertai bengkel berkenaan dan seterusnya dapat bertukar-tukar fikiran.

"Walaupun kami sudah lama berkecimpung dalam bidang melukis, namun kami masih mencari bahan-bahan yang terbaharu, oleh itu dengan penyertaan para pelukis

dapat bertukar-tukar fikiran dan sama-sama untuk memajukan lukisan di negara ini," terang beliau yang juga sering diundang untuk membuat bengkel di luar negara.

Untuk menjadi seorang pelukis tambahnya, ia adalah daripada bakat dan pengalaman sendiri, yang mana melukis boleh dipelajari namun hanya setakat diajar sahaja dan ia perlu mengikuti bakat untuk terus dikembangkan lagi.

Beliau turut memberi pesanan kepada mereka yang berminat dalam melukis supaya jangan jemu untuk melukis dan teruskan melukis setiap hari supaya kita dapat melihat sendiri peningkatan hasil lukisan tersebut.

Seramai lapan pelukis tempatan mempamerkan lukisan mereka

pada Pameran Uciran Calak Brunei iaitu Haini Hashim, Dr. Zakaria, Pengiran Wahab Hassan, Osman Mohammad, Pengiran Timbang, Malek Metarsad, Awang Sital dan Adi Zain.

Lukisan-lukisan yang dipamerkan memaparkan keunikan unsur-unsur dan nilai-nilai kebruneian seperti sejarah, budaya, sosioekonomi dan kesenian dihasilkan oleh para pelukis menggunakan teknik dan gaya tersendiri.

Pameran Uciran Calak Brunei : Pameran Seni Lukis Abstrak 8 Seniman Tempatan dibuka untuk kunjungan orang ramai sehingga Isnin, 7 Oktober 2024 bertempat di Galeri Sejarah dan Dewan Jawatan Dalam, PSB, BS.



PENGIRAN Timbang bin Pengiran Haji Tuah semasa ditemu bual.

# VANCE PERCAYA NORTH CAROLINA NEGERI PENTING UNTUK KEMENANGAN TRUMP

**MOSCOW**, 15 Sept. - Calon naib presiden Amerika Syarikat, JD Vance yang menjadi gandingan Donald Trump, percaya bahawa sukar untuk mereka memenangi pilihan raya pada November ini jika gagal memperoleh kemenangan di North Carolina, lapor Sputnik.

"Agak sukar untuk kami menang melainkan kami dapat

memenangi North Carolina," kata Vance kepada wartawan pada Sabtu, seperti yang dipetik oleh The Hill.

Pada masa yang sama, Vance "sangat yakin" dengan peluangnya dan Trump untuk menang di North Carolina.

Menurut Vance, beliau dan Trump hanya boleh tewas di negeri itu sekiranya jumlah

pengundi yang keluar mengundi rendah.

Donald Trump memenangi pilihan raya 2020 di North Carolina. Kali terakhir calon Demokrat memenangi negeri itu ialah pada 2008, apabila Barack Obama mengalahkan John McCain dengan 20,000 undi.

Pilihan raya presiden Amerika

## Tiga warga AS antara 37 dijatuhi hukuman mati di Congo kes rampasan kuasa

**KINSHASA (Congo)**, 14 Sept. - Sebuah mahkamah tentera di Congo pada Jumaat menjatuhkan hukuman mati terhadap 37 orang, termasuk tiga warga Amerika Syarikat (AS) kerana peranan mereka dalam rampasan kuasa yang gagal awal tahun ini, lapor Agensi Anadolu.

Kesemua mereka didakwa terlibat dengan persatuan jenayah, melakukan serangan, keganasan serta membantu keganasan.

Tiga lagi warga asing yang didapati bersalah membabitkan rakyat United Kingdom, Belgium dan Kanada.

Perbicaraan bermula pada Julai dalam kes yang berkaitan dengan serbuan malam dan rampasan kuasa yang gagal pada Mei oleh tokoh pembangkang Christian Malanga, yang melancarkan serangan ke atas istana presiden serta kediaman Vital Kamerhe, Presiden Dewan Rakyat negara itu.

Menurut tentera Congo, Malanga ditembak mati selepas menentang apabila ditahan sejurus selepas memuat naik penstriman langsung serangan rampasan kuasa itu di media sosialnya.

Anak lelaki Malanga, Marcel Malanga, 21, adalah antara tiga warga AS yang dijatuhi hukuman mati.

Empat belas defendan dibebaskan dan semua tertuduh mempunyai lima hari untuk merayu. - ©BERNAMA

## Mpox : Maghribi tangguh Persidangan Kesihatan Awam Antarabangsa

**RABAT**, 14 Sept. - Kementerian Kesihatan Maghribi mengumumkan pada Jumaat bahawa acara antarabangsa mengenai kesihatan awam, yang akan diadakan di negara itu pada November ini, telah ditangguhkan kerana kebimbangan terhadap wabak cacar monyet (Mpox).

Agensi Anadolu melaporkan bahawa keputusan untuk menangguhkan Persidangan Kesihatan Awam Antarabangsa ke-4 dibuat berikutan permintaan rasmi daripada Jean Kaseya,

ketua pengarah Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (CDC Afrika). Kaseya menekankan mengawal krisis Mpox, yang memerlukan kerjasama antarabangsa yang signifikan, adalah keutamaan.

Dalam pertemuan dengan Menteri Kesihatan Maghribi Khalid Ait Taleb, Kaseya menekankan cabaran kesihatan yang serius yang dihadapi benua Afrika akibat kes Mpox, termasuk kes pertama yang dilaporkan di Maghribi.

Kenyataan daripada Kementerian Kesihatan Maghribi tidak menyatakan tarikh baharu untuk persidangan itu. Menurut data CDC Afrika, Afrika merekodkan lebih 26,000 kes Mpox yang disyaki dan 724 kematian tahun ini.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisyiharkan wabak itu sebagai kecemasan kesihatan awam yang menjadi kebimbangan antarabangsa pada bulan Ogos, berikutan kemunculan varian clade 1 baharu di beberapa negara Afrika. - ©BERNAMA

## Presiden Comoros Azali Assoumani cedera ditikam dengan pisau

**NAIROBI**, 14 Sept. - Presiden Comoros Azali Assoumani cedera ringan akibat ditikam dengan pisau oleh penyerangnya pada Jumaat, lapor Agensi Anadolu, memetik media tempatan.

Seorang penyerang tunggal menghampiri presiden dan

menikamnya dengan pisau, menurut akhbar harian Habari Za Comores. Kaitangan keselamatan dengan pantas bertindak dan menangkap penyerang, tambahnya.

"Ketua Negara Kesatuan Comoros telah ditikam semasa beliau berada di bandar Salimani Itsandra

sempena kematian rakan rapat Mufti Republik. Nyawanya tidak dalam bahaya," menurut akhbar itu.

Motif di sebalik serangan itu masih tidak jelas dan penyerang, yang identitiannya belum didedahkan, kini dalam tahanan polis, dan siasatan sedang dijalankan. - ©BERNAMA

Harris akan mewakili Parti Demokrat, manakala bekas Presiden Donald Trump akan mewakili Parti Republikan. - ©BERNAMA

## Banjir : Pihak berkuasa Algeria pindah 260 keluarga

**ALGIERS**, 14 Sept. - Pihak berkuasa Algeria memindahkan 260 keluarga untuk mengelak banjir di wilayah barat daya Bechar, lapor Agensi Anadolu memetik media tempatan.

"Keluarga itu dipindahkan dari kawasan berisiko banjir sebagai langkah berjaga-jaga terhadap bahaya banjir," menurut agensi berita negara Algeria APS.

Sejak Isnin, wilayah Bechar dan wilayah lain dilanda banjir disebabkan hujan lebat.

Kementerian Dalam Negeri merekodkan hujan 120 milimeter di wilayah Bechar dalam tempoh 24 jam yang lepas.

Tiga orang setakat ini maut akibat banjir di wilayah Bechar dan Tamanrasset, menurut perkhidmatan perlindungan awam Algeria. - ©BERNAMA

## Dua askar India terbunuuh, dua cedera di wilayah Kashmir

**NEW DELHI**, 14 Sept. - Dua tentera India terbunuuh dan dua lagi cedera dalam pertempuran dengan militan di daerah Kishtwar, di Jammu dan Kashmir pada Jumaat.

Kor White Knight tentera India mengesahkan kematian dua anggota itu di platform media sosial X.

Sebelum ini, ia melaporkan kedua-dua pihak saling berbalas tembakan di kawasan Chatroo di Kishtwar yang menyebabkan empat tentera cedera.

Dalam satu lagi operasi anti pemberontakan di Kashmir, dua militan terbunuuh di Khandara dalam daerah Kathua, kata Kor Rising Star tentera pada Jumaat. - ©BERNAMA

## Lapan lemas di sungai di Gujarat, India

**NEW DELHI**, 14 Sept. - Lapan lelaki lemas ketika mandi sungai di Gujarat, barat India pada Jumaat.

Insiden lemas itu dilaporkan oleh penduduk kampung yang pergi ke sungai Meshwo di daerah Gandhinagar di Gujarat untuk upacara membenamkan patung dewa, kata seorang pegawai kanan polis kepada media tempatan. Polis menemukan lapan mayat dari sungai itu dan juga memastikan sama ada terdapat mangsa lain yang hilang.

Seorang saksi yang merupakan sebahagian daripada kumpulan itu, memberitahu polis bahawa terdapat sembilan orang mandi di sungai itu manakala sekumpulan penduduk kampung telah berkumpul untuk membenamkan patung dewa Hindu Ganesha. - ©BERNAMA

## Dua terbunuuh selepas jet latihan tentera terhempas

**SOFIA**, 14 Sept. - Dua individu disahkan maut selepas jet latihan tentera Bulgaria terhempas pada Jumaat, kata Perdana Menteri Dimitar Glavchev, lapor Xinhua.

Menurut Kementerian Pertahanan negara, pesawat latihan tempur L-39ZA terhempas semasa persiapan untuk pertunjukan udara yang dijangka diadakan pada Sabtu di Pangkalan Penerbangan ke-3 berhampiran Bandar Plovdiv.

Ia berkata bahawa langkah telah diambil untuk memadamkan kebakaran yang disebabkan oleh kejadian itu, dan pertunjukan udara itu telah dibatalkan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



## 33 SERTAI MUALLAF-VING RACE : KENALI NEGARAKU



ANTARA yang menyertai Program Muallaf-Ving Race : Kenali Negaraku di Taman Mahkota Jubli Emas.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 15 September. - Belia Muallaf As-Syahadah di bawah naungan Urus Setia Program Keugamaan Belia (PKB), Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Uagma (KHEU) mengadakan Program Muallaf-Ving Race : Kenali Negaraku bertempat di Taman Mahkota Jubli Emas,

hari ini. Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, KHEU, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong. Muallaf-Ving Race : Kenali Negaraku merupakan salah satu komponen di bawah Program Ikon Muallaf yang telah disusun mengikut konsep Amazing Race.

Seramai 33 peserta daripada Ikon Muallaf menyertai perlumbaan ini. Perlumbaan tersebut mempunyai stesen-stesen yang

menyediakan cabaran dan tugas dan perlu ditempuhi oleh setiap kumpulan. Antara pengisian aktiviti program termasuk Crossword Puzzle, Exercise Sprint, Permainan Tradisi, Teka Gambar dan Teka Peribahasa Melayu.

Antara objektif Program Muallaf-Ving Race : Kenali Negaraku adalah untuk mengukuhkan pemahaman dan mengongsikan pengetahuan kepada para peserta Ikon Muallaf mengenai sejarah

Negara Brunei Darussalam termasuk sejarah Bandar Seri Begawan.

Selain itu untuk memupuk rasa bangga dan keyakinan dalam kalangan peserta sebagai Muslim yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Di samping itu juga untuk mengerakkan hubungan silaturahim antara peserta melalui aktiviti kerjasama dan berpasukan dan membina jati diri yang kuat dan positif dalam diri mereka supaya mampu berdikari dan berperanan aktif.

## Festival bantu merangsang pertumbuhan kanak-kanak



KEMENTERIAN Pendidikan semasa mengadakan Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah Rendah Tahun 2024 bagi Kluster 5 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong (kiri dan kanan).

**TUTONG**, Sabtu, 14 September. - Kementerian Pendidikan mengadakan Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah Rendah Tahun 2024 bagi Kluster 5 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ketua Kluster 5, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Abdul Wafi Sia bin Abdullah Sia.

Pada tahun ini, festival telah diadakan bagi keenam-enam kluster bermula dengan Kluster 1 yang telah diadakan pada 12 Mei, Kluster 2 pada 26 Mei, Kluster 3 pada 9 Jun, sementara itu, Kluster 6 pada 31 Ogos dan Kluster 4 pada 7 September yang mempertandingkan empat acara iaitu Formula Bends, Backward Overhead Throw, Hurdles Relay dan 3 Steps Bound. Festival pada hari ini merupakan giliran

bagi Kluster 5 yang disertai oleh 196 murid daripada 19 buah sekolah rendah.

Antara objektif festival ini adalah untuk memperkenalkan aktiviti sukan yang sesuai dengan keperluan perkembangan fizikal dan merangsang pertumbuhan kanak-kanak.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menarik minat kanak-kanak terhadap aktiviti pergerakan, memperkenalkan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

asas-asas olahraga dalam bentuk permainan, mempromosikan gaya hidup seimbang dan sihat, serta menggalakkan elemen keseronokan dalam permainan.

Festival ini dianjurkan oleh Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

CONTOHI AKHLAK MULIA RASULULLAH